




Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
LAPORAN TAHUNAN
2007

Laporan Tahunan 2007

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia



RASIONAL

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) merupakan pintu masuk atau 'gateway' dalam perkhidmatan awam.

Rasional muka depan Laporan Tahunan SPA 2007 kali ini menggambarkan pelbagai bidang pekerjaan yang terdapat di dalam perkhidmatan awam dan misi SPA ialah untuk menjadi sebuah agensi awam yang terunggul dalam menjalankan fungsi memantik anggota perkhidmatan awam yang berkecuali.



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
Araa B-10, Blok C7, Kompleks C,
Pusat Perkhidmatan Kerajaan Persekutuan,
62520 Putrajaya

<http://www.spa.gov.my>

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
LAPORAN TAHUNAN

2007





Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, SPA Urus Setia Cawangan Sabah



Bangunan Wisma Persekutuan, SPA Urus Setia Cawangan Sarawak



Pusat Temuduga SPA Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur



Kompleks C, Bangunan SPA Putrajaya

KANDUNGAN

	Muka Surat
Perutusan Pengerusi	v - vii
Ringkasan Eksekutif	09 - 12
Latar Belakang	13 - 16
Ahli-Ahli Suruhanjaya	17 - 22
Urus Setia Suruhanjaya	23 - 26
Urusan Pelantikan	27 - 44
Urusan Perkhidmatan	45 - 56
Urusan Kenaikan Pangkat dan Tatatertib	57 - 62
Aktiviti-Aktiviti Suruhanjaya	63 - 66
Program Penambahbaikan	67 - 74
Penghargaan	75 - 78
Lampiran 'A'	79 - 88





Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
LAPORAN TAHUNAN
2007



PERUTUSAN PENGERUSI



Perutusan

vi

Tahun 2007 merupakan tahun yang amat bermakna bagi seluruh warga Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) dengan genapnya penubuhan 50 tahun SPA semenjak negara mencapai kemerdekaan. Sepanjang tempoh tersebut, SPA telah melaksanakan fungsinya dengan jaya dan menyumbang ke arah proses pembangunan negara.

SPA sebagai pintu masuk atau “gateway” ke dalam perkhidmatan awam telah memperkenalkan pelbagai usaha penambahbaikan bagi meningkatkan keberkesanan urusan pelantikan. Antaranya ialah penambahbaikan aplikasi Sistem Mengambil Sepanjang Masa (SMSM) bertujuan untuk menjadikannya lebih *user friendly* yang mampu mempercepatkan urusan pengambilan dan pelantikan. SPA turut mengambil pendekatan yang proaktif dalam usaha mendapatkan “the best and the brightest talents” untuk menyertai perkhidmatan awam. Di antara usaha tersebut ialah dengan mengadakan urusan temu duga di luar negara terutamanya untuk jawatan Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi.


Pengerusi

Dalam melaksanakan fungsinya, Suruhanjaya berpegang teguh kepada prinsip integriti dan akauntabiliti bagi mendapatkan calon yang terbaik untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam. Bagi meningkatkan profesionalisme dalam urusan pelantikan, Suruhanjaya juga telah mengadakan Persidangan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negeri dan Pelajaran Kali ke-X bertemakan “Modal Insan Asas Kecemerlangan Perkhidmatan Awam”. Melalui persidangan ini, amalan-amalan terbaik dalam urusan pengambilan dapat dipelajari dan dikongsi bersama.

Saya berpuas hati dengan pencapaian SPA pada tahun 2007 di mana SPA telah berjaya melantik seramai 38,569 calon lantikan tetap ke dalam perkhidmatan awam berbanding 28,227 calon pada tahun 2006. Jumlah permohonan untuk berkhidmat dalam sektor awam juga telah bertambah di mana pada tahun 2006 keseluruhan permohonan adalah berjumlah 645,503 orang manakala pada tahun 2007 keseluruhan permohonan adalah berjumlah 760,840 orang yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Diharapkan Laporan Tahunan SPA 2007 ini dapat memberi pelbagai maklumat tentang pencapaian aktiviti SPA sepanjang tahun 2007. Sesungguhnya, SPA akan sentiasa melipatgandakan usaha penambahbaikan ke arah kecemerlangan perkhidmatan awam.

Sekian, terima kasih.

Salam hormat,


TAN SRI JAMALUDDIN BIN HJ. AHMAD DAMANHURI



Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
LAPORAN TAHUNAN
2007



RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan Tahunan SPA ini disediakan sebagai memenuhi peruntukan Perkara 146(1), Perlembagaan Persekutuan yang menghendaki Suruhanjaya menyediakan suatu laporan tahunan mengenai kegiatannya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan salinannya dibentangkan dalam kedua-dua Dewan Parlimen.

SPA telah ditubuhkan di bawah Perkara 139(1), Perlembagaan Persekutuan sebagai sebuah agensi bebas yang dipertanggungjawabkan dengan tugas melantik, mengesahkan dalam perkhidmatan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota dalam perkhidmatan di bawah bidang kuasanya mengikut peruntukan Perkara 144(1).

Hasil kerja Suruhanjaya sepanjang tahun 2007 adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	JUMLAH
1	Permohonan <ul style="list-style-type: none"> • Urusan Permohonan 	760,840
2	Pengambilan <ul style="list-style-type: none"> • Urusan Pengambilan 	642
3	Pelantikan <ul style="list-style-type: none"> • Pelantikan Tetap • Pelantikan Kontrak 	38,569 1,441
4	Pemilihan Pelatih <ul style="list-style-type: none"> • Pemilihan Pelatih Separa Perubatan 	8,463
5	Urusan Perkhidmatan <ul style="list-style-type: none"> • Pengesahan Pelantikan • Pengesahan Dalam Perkhidmatan • Pelanjutan Tempoh Percubaan • Pemberian Taraf Berpencen • Kembali ke dalam Skim Perkhidmatan Terdahulu • Penamatan Perkhidmatan • Pertukaran Perkhidmatan • Penetapan Gaji Permulaan • Pertukaran Sementara, Peminjaman dan Pertukaran Tetap • Pelepasan Untuk Peminjaman dan Pertukaran Pelantikan • Pertukaran Pelantikan Melalui Pemberian Opsyen 	22,576 20,959 1,503 17,275 5 44 59 1,318 256 114 9,178
6	Kenaikan Pangkat dan Rayuan Tatatertib <ul style="list-style-type: none"> • Kenaikan Pangkat • Rayuan Kenaikan Pangkat • Tatatertib • Rayuan Tatatertib 	6 15 12 156



Hari SPA bersama Pelanggan di Pulau Pinang

Aktiviti Suruhanjaya sepanjang tahun 2007 adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	JUMLAH
1	Mesyuarat <ul style="list-style-type: none"> • Mesyuarat Suruhanjaya • Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib • Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat • Kertas Mesyuarat Suruhanjaya 	44 44 23 1,882

Untuk membolehkan Suruhanjaya melaksanakan semua fungsi yang diamanahkan kepadanya, Perkara 139(4), Perlembagaan Persekutuan menetapkan ahlinya terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan tidak melebihi 30 orang ahli (minimum 4 orang). Ahli Suruhanjaya dibantu oleh Urus Setia yang diketuai oleh seorang Setiausaha, termasuk Urus Setia Cawangan Sabah dan Sarawak.

Untuk tahun 2007, Suruhanjaya telah diperuntukkan sebanyak RM37,118,000.00 di bawah maksud Bekalan (B05). Dari jumlah itu sebanyak RM11,011,900.00 untuk Emolumen; RM21,154,900.00 untuk Perkhidmatan dan Bekalan; RM10,500.00 untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap dan RM1,000,300.00 untuk Aset. SPA telah diberikan waran tambahan sebanyak RM4,297,000.00. Perbelanjaan sebenar sehingga tarikh penutupan Akaun Awam 2007 adalah sebanyak RM33,709,350.48 atau 91.20%.

Di bawah maksud Tanggungan (T09), Suruhanjaya telah diluluskan peruntukan berjumlah RM4,723,200.00. Berdasarkan peruntukan ini, sebanyak RM3,159,900.00 untuk Emolumen; RM1,351,100.00 untuk Perkhidmatan dan Bekalan dan RM212,300.00 untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Suruhanjaya telah diberikan waran tambahan sebanyak RM688,000.00. Peruntukan yang telah dibelanjakan sehingga tarikh Akaun Awam 2007 ditutup ialah RM5,148,751.01 atau 95.15%.



Hari SPA Bersama Pelanggan di Pulau Pinang

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
LAPORAN TAHUNAN
2007



LATAR BELAKANG

VISI

Untuk menjadi sebuah agensi awam yang terunggul dalam menjalankan fungsinya.

MISI

Memilih dan melantik anggota perkhidmatan awam yang berkualiti bagi memenuhi keperluan dan visi negara;

Menguruskan hal ehwal perkhidmatan anggota perkhidmatan awam secara cekap dan berkesan ke arah melahirkan perkhidmatan awam yang harmonis.

MOTO

Mudah, cepat dan tepat.

PENUBUHAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah ditubuhkan mengikut Perkara 139(1), Perlembagaan Persekutuan pada 31 Ogos 1957.

TUGAS SURUHANJAYA

Selaras dengan Perkara 144(1), Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya bertanggungjawab:

- melantik;
- mengesahkan;
- memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen;
- menaikkan pangkat;
- menukar; dan
- menjalankan kawalan tatatertib ke atas pegawai yang berada dalam perkhidmatan di bawah bidang kuasanya.

BIDANG KUASA

Bidang kuasa Suruhanjaya meliputi:

- Anggota Perkhidmatan Awam Am Persekutuan di bawah Perkara 132(1)(c), Perlembagaan Persekutuan;
- Anggota Perkhidmatan Awam Bersama yang am bagi Persekutuan dan bagi satu atau beberapa buah negeri yang ditubuhkan oleh Undang-Undang Persekutuan sebagai satu perkhidmatan awam di bawah Perkara 132(1)(f), Perlembagaan Persekutuan; dan
- Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis.

KUASA SURUHANJAYA KE ATAS PERKHIDMATAN AWAM

Negeri Melaka dan Pulau Pinang

Kuasa Suruhanjaya ke atas pegawai dalam Perkhidmatan Awam Negeri Melaka dan Pulau Pinang diperuntukkan di bawah Perkara 139(1), Perlembagaan Persekutuan.

Negeri Sembilan

Kuasa Suruhanjaya ke atas pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan telah diberikan melalui *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment 1959* Negeri Sembilan dan *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Order, 1961* Negeri Sembilan selaras dengan peruntukan Perkara 139(2), Perlembagaan Persekutuan yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sembilan. Suruhanjaya mempunyai bidang kuasa meliputi semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan kecuali:

- Pengelola Bijaya DiRaja;
- Juruiring kepada Yang di-Pertuan Besar;
- Setiausaha Sulit kepada Yang di-Pertuan Besar;
- Pegawai Kerani kepada Undang; dan
- Penghulu.

NEGERI PERLIS

Selaras dengan peruntukan Perkara 139(2), Perlembagaan Persekutuan, kuasa Suruhanjaya ke atas pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Perlis telah diberikan melalui *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment 1958 Negeri Perlis* dan *Public Services Commission (Extended Jurisdiction) Order 1960 Negeri Perlis* yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Perlis. Di bawah undang-undang ini, Suruhanjaya mempunyai bidang kuasa ke atas semua pegawai perkhidmatan awam Negeri Perlis kecuali:

- Pegawai Agama di Jabatan Hal Ehwal Agama dan Adat Istiadat Melayu;
- Pegawai dalam Bahagian IV;
- Penghulu dan Penolong Penghulu; dan
- Pekerja bergaji hari.

KUASA SURUHANJAYA YANG DIWAKILKAN

Perkara 144(6), Perlembagaan Persekutuan membolehkan Suruhanjaya mewakili kuasanya kepada kementerian / jabatan dan pentadbiran negeri bagi melantik, mengesahkan dalam perkhidmatan dan memberi taraf berpencen. Setakat ini, perwakilan kuasa yang diberikan adalah seperti berikut:

- P.U.(B) 16 mewakili kuasa kepada Ketua Setiausaha Kementerian Negara bagi melantik pegawai ke jawatan Setiausaha Sulit dan Setiausaha Akhbar Gred S41 kepada Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen; dan
- P.U.(B) 496 mewakili kuasa kepada Ketua Setiausaha Kementerian / Ketua Jabatan untuk melantik, mengesahkan dalam perkhidmatan dan memberi taraf berpencen kepada pegawai dalam Kumpulan Sokongan II (Kumpulan D di bawah JKK).

PENUBUHAN PIHAK BERKUASA TATATERTIB DAN KENAIKAN PANGKAT

Perkara 144(5B)(i), Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 3(4) *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment, 1958 (Enactment No. 7 of 1958 State of Perlis)* dan *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment, 1959 (Enactment No. 5 of 1959 State of Negeri Sembilan)* memperuntukkan bahawa semua kuasa dan tugas Suruhanjaya selain daripada kuasa membuat pelantikan pertama ke perjawatan tetap atau berpencen, boleh dijalankan oleh suatu lembaga yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Raja Pemerintah negeri berkenaan.

16

Selaras dengan peruntukan tersebut, peraturan yang berkaitan telah digubal di mana lembaga tatatertib telah ditubuhkan di peringkat kementerian, jabatan dan pentadbiran negeri yang berkenaan bagi menjalankan sebahagian kuasa dan tugas Suruhanjaya berhubung kawalan tatatertib dan kenaikan pangkat.

WAKIL SURUHANJAYA DALAM SURUHANJAYA PASUKAN POLIS

Selaras dengan Perkara 140(3), Perlembagaan Persekutuan, seorang Ahli Suruhanjaya iaitu Y. Bhg. Dato' Ibrahim bin Haji Mohd Shariff telah dipilih mewakili Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dalam Suruhanjaya Pasukan Polis bermula daripada 10 Mac 2006 sehingga tamat tempoh perkhidmatannya iaitu pada 4 Ogos 2007. Beliau telah digantikan dengan Y. Bhg. Datuk Ab. Hamid bin Othman.

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
LAPORAN TAHUNAN
2007



AHLI-AHLI SURUHANJAYA

Ahli-Ahli SURUHANJAYA



PENGERUSI

Y. Bhg. Tan Sri Jamaluddin bin Haji Ahmad Damanhuri
P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.S., D.G.P.N., D.M.P.N., D.P.M.P., K.M.N.

18

TIMBALAN PENGERUSI

Y. Bhg. Datuk Muhammad bin Mohd Noor
P.S.D., D.S.N.S., D.N.S., P.P.T., B.K.T.



Ahli Suruhanjaya dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 139(4), Perlembagaan Persekutuan. Ahli Suruhanjaya terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan tidak melebihi 30 orang ahli biasa (minimum 4 orang).



Y. Bhg. Dato' Ahmad Pharmy
bin Abdul Rahman
D.P.T.J., J.S.M., K.M.N.



Y. Bhg. Dato' Haji Mohd Esa
bin Shariff
D.I.M.P., A.M.N., A.A.P., P.J.K.



Encik Tey Boon Hwa
J.S.M., K.M.N.



Tuan Dr. Ahmad Anwar
bin Mohd Ismail



Y. Bhg. Datin Hajah Fauziah
binti Haji Mohd Ramly
J.M.N., K.M.N.



Y. Bhg. Dato' Haji Ibrahim bin
Haji Mohd Shariff
D.S.P.N, J.M.N, S.M.J, K.M.N
Sehingga 4 Ogos 2007



Y. Bhg. Datuk Mohd Salleh
bin Hassan
P.S.D, J.S.D, K.M.N
Sehingga 4 Ogos 2007



Y. Bhg. Dato' Dr. Ahmad Sobri
bin Haji Hashim
D.S.D.K., J.M.N., K.M.N.
Sehingga 4 Ogos 2007



Y. Bhg. Datuk Haji Mohamad
Shahir bin Haji Abdullah
P.J.N., J.S.M., P.B.K., K.M.N.
Sehingga 1 Mac 2007



Y. Bhg. Datuk Haji Mohd Yunus
bin Haji AG. Hashim
P.G.D.K., A.S.D.K., A.M.N., A.D.K.



Tuan Haji Abang Talhata
bin Haji Abang Hazmi
K.M.N., P.P.C., P.B.K., A.M.N., P.P.B.,
P.P.D., D.E.A. (U.K)



Y. Bhg. Dato' Zakaria
bin Mohd Taib
D.S.P.N., K.M.N., A.M.N.



Y. Bhg. Datuk Haji Abdullah
bin Haji Yatim
P.S.D., D.S.S.A., J.S.D., A.S.D.K.,
P.S.K., K.M.N.



Y. Bhg. Dato' Wan Abdul Wahab
bin Abdullah
D.M.P.T., J.M.N., P.J.K.



Y. Bhg. Datuk Md. Sani
bin Adam
P.G.D.K., J.S.M., A.S.D.K.,
K.M.N., A.M.N.



Y. Bhg. Dato' Asmah
binti Abdul Hamid
D.I.M.P., J.S.M., K.M.N., A.M.N.



Y. Bhg. Datuk Selvaraj
A/L Arokiam
P.M.W., K.M.N.



Y. Bhg. Dato' Halimah
binti Haji Sulaiman
D.I.M.P., D.S.M., P.M.P., K.M.N.



Pengiran Haji Zain bin
Pengiran Haji Salleh
J.B.K., P.B.K., P.P.D., P.P.B.



Tuan Haji Bujang Mohidin bin
Haji Jol
J.B.K., K.M.N., P.P.C., P.P.D, P.P.B.



Y. Bhg. Datuk Haji Harith
Munjong Yahya
P.G.D.K., A.M.N.



Encik Freddie Cho Chin Seng
K.M.N.



Puan Hajah Siti Fatimah
binti Abd. Majid
A.M.N., A.D.K., B.S.K.



Y. Bhg. Dato' Haji Houd
bin Haji Sirat
D.P.M.P., S.S.A., P.M.P., K.M.N., P.P.T.



Y. Bhg. Dato' Haji Muhamed Kamal
bin Abu Bakar
D.P.S.K., J.S.M., A.M.N.



Y. Bhg. Dato' Haji Siajam
bin Buyong
D.S.N.S., J.S.M., K.M.N.



Y. Bhg. Dato' Mohd. Zawawi
bin Mohd Nordin
D.P.M.P., J.S.M., K.M.N.



Y. Bhg. Dato' Hajah Khamsiah
binti Haji Muhammad
D.I.M.P., A.M.N.



Y. Bhg. Datuk Ab. Hamid
bin Othman
P.J.N., D.P.S.K., K.M.N., A.M.N.



Y. Bhg. Datin Paduka
Jaya Partiban
D.P.M.S., J.M.N., K.M.N., A.M.N.



Y. Bhg. Dato' Noraina Amenyah
binti Yahaya Uddin
D.I.M.P., K.M.N., A.M.P.



Y. Bhg. Dato' Ahmad bin Said
D.P.M.T., A.S.M., K.M.N., A.M.T., D.S.P.N.



Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
LAPORAN TAHUNAN
2007

URUS SETIA SURUHANJAYA

URUS SETIA SURUHANJAYA



**Puan Sri Zaiton binti
Mhad Ali**
Setiausaha



Encik Ramli bin Juhari
Timbalan Setiausaha
(Pembangunan)



**Tuan Haji Ab. Ghafar bin
A. Hasan**
Timbalan Setiausaha
(Operasi)



**Encik Che Harun bin
Haji Mohammad**
Setiausaha Bahagian
Peperiksaan



Tuan Haji Mohd Johan bin Ali
Setiausaha Bahagian
Naik Pangkat dan Tatatertib



**Puan Sharifah Ruhani binti
Syed Abu Bakar**
Setiausaha Bahagian
Perkhidmatan



**Encik Mohamad Sapri bin
Ismail**
Setiausaha Bahagian
Teknologi Maklumat



**Encik Musa bin
Sulaiman**
Setiausaha Bahagian
Urus Setia Cawangan Sabah



**Encik Hamizar bin
Hassan**
Setiausaha Bahagian
Urus Setia Cawangan Sarawak



**Puan Idayuwati binti
Abdullah @ Ab. Rahman**
Setiausaha Bahagian
Pengambilan



**Encik Mohammad Abiddin
bin Abd. Rahman**
Setiausaha Bahagian
Pengambilan Khas



**Encik Mohd Nazri bin
Dollah**
Setiausaha Bahagian Pengurusan



**Encik Shafarin bin
Nasuredin**
Setiausaha Bahagian Penyelidikan
Pembangunan dan Urus
Setia Mesyuarat



**Encik Anuar bin
Othman**
Setiausaha Bahagian
Urus Setia Suruhanjaya Perkhidmatan
Kehakiman dan Perundangan



**Puan Radziah binti
Mohd. Sharif**
Pegawai Perhubungan Awam

Urus Setia Suruhanjaya

Urus Setia Suruhanjaya diketuai oleh seorang Setiausaha Gred Utama B dan dibantu oleh dua orang Timbalan Setiausaha, Gred Utama C dan seorang Gred M54, sebelas orang Setiausaha Bahagian terdiri daripada dua orang Gred M52, seorang Gred F52, seorang Gred N52, tujuh orang Gred M48 serta 455 orang pegawai pelbagai pangkat dan gred. Urus Setia Suruhanjaya terletak di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya; di Kota Kinabalu bagi Cawangan Sabah dan di Kuching bagi Cawangan Sarawak.



Perjumpaan Khas di antara Pengerusi SPA dengan Y.B Tan Sri Bernard Giluk Dompok, Y.B Dato' Seri Ong Ka Ting, Y.B Datuk Peter Chin Fah Kui, Y.B Dato' Sothinathan A/L Sinna Goundar di SPA Putrajaya pada 9 Ogos 2007.



Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
LAPORAN TAHUNAN
2007



URUSAN PELANTIKAN

URUSAN PELANTIKAN

Pelantikan, iaitu pelantikan tetap, kontrak atau sementara, merupakan satu daripada 6 fungsi Suruhanjaya. Fungsi ini melibatkan Perkhidmatan Awam Am Persekutuan serta Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis.

Pada tahun 2007, jumlah permohonan menunjukkan peningkatan di mana sebanyak 760,840 permohonan telah diterima iaitu 626,082 melalui SPA 8i (Internet) dan 134,578 melalui SPA 8 (OMR). Manakala pada tahun 2006, jumlah permohonan yang diterima adalah sebanyak 645,503 iaitu 546,283 melalui SPA 8i (Internet) dan 99,220 melalui SPA 8 (OMR). Pecahan permohonan adalah seperti **Jadual 1**.

JADUAL 1
PERMOHONAN JAWATAN MELALUI SISTEM MENGAMBIL SEPANJANG MASA (SMSM) 2007

TAHUN	BORANG DITERIMA		
	SPA 8 (OMR)	SPA 8i (INTERNET)	JUMLAH
2006	99,220	546,283	645,503
2007	134,578	626,082	760,840

Daripada 760,840 jumlah permohonan, seramai 305,704 calon berjaya melepasi tapisan dan dipanggil temu duga. Seramai 209,754 calon telah menghadiri temu duga dan daripada jumlah itu, seramai 38,569 calon telah ditawarkan pelantikan dan latihan separa perubatan di mana ianya merangkumi 5,802 calon bagi jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional; 6,775 calon bagi Kumpulan Sokongan I dan 25,992 calon bagi Kumpulan Sokongan II termasuk 8,463 calon Latihan Separa Perubatan. Pada tahun 2006, seramai 140,343 calon dipanggil temu duga dan seramai 28,227 calon ditawarkan pelantikan dan latihan separa perubatan. Maklumat keseluruhan bilangan permohonan, calon ditemu duga dan dilantik dalam tahun 2006 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 2, Carta 1 (a)** dan **Carta 1 (b)**.



Calon sedang ditemu duga




Hari SPA Bersama Pelanggan

JADUAL 2
BILANGAN PERMOHONAN, CALON DITEMU DUGA DAN CALON DILANTIK 2007

TAHUN	KUMPULAN JAWATAN	JUMLAH PERMOHONAN	BIL. CALON DIPANGGIL TEMU DUGA	BIL. CALON HADIR TEMU DUGA	BILANGAN LANTIKAN TETAP
2006	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (IJAZAH)	141,285	22,355	17,285	4,393
	SOKONGAN I (DIPLOMA)	128,263	20,967	16,616	6,101
	SOKONGAN II (SIJIL,SPM,PMR)	375,955	97,041	74,054	17,733
	JUMLAH	645,503	140,343	107,955	28,227
2007	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (IJAZAH)	141,940	28,290	19,781	5,802
	SOKONGAN I (DIPLOMA)	165,905	33,517	21,976	6,775
	SOKONGAN II (SIJIL,SPM,PMR)	452,995	243,897	167,997	25,992
	JUMLAH	760,840	305,704	209,754	38,569


Nota: Termasuk Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis bagi kumpulan sokongan dan Jawatan Separa Perubatan di Kementerian Kesihatan.

CARTA 1 (a)
BILANGAN PERMOHONAN, CALON DITEMU DUGA DAN DILANTIK 2006 - 2007



CARTA 1 (b)

Pecahan Peratus Lantikan Mengikut Kumpulan Bagi Tahun 2007



PELANTIKAN TETAP

Urusan pelantikan yang dilaksanakan melalui Sistem Mengambil Sepanjang Masa (SMSM) telah diperkenalkan pada tahun 1997. Di bawah sistem ini, calon boleh mendaftarkan permohonan mereka pada bila-bila masa sepanjang tahun tanpa menunggu iklan disiarkan. Urusan pengambilan bermula apabila Suruhanjaya menerima permohonan pengisian jawatan dari kementerian / jabatan. Keberkesanan dan kecekapan pelaksanaan sistem ini telah mendapat pengiktirafan kerajaan apabila Suruhanjaya menerima penganugerahan standard kualiti MS ISO 9002 pada Februari 1999.

- **Pelantikan Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan**


Dalam tahun 2007, sejumlah 642 urusan pengambilan telah dilaksanakan bagi mengisi kekosongan pelbagai jawatan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan I dan II di kementerian / jabatan dan pentadbiran negeri yang terletak di bawah bidang kuasa Suruhanjaya.

Pada tahun 2007, seramai 5,226 calon telah dilantik ke jawatan Separa Perubatan, termasuk 126 calon bukan tajaan berbanding dengan tahun 2006, Suruhanjaya telah melantik seramai 5,282 calon ke jawatan Separa Perubatan, termasuk 53 calon bukan tajaan. Butiran terperinci seperti **Jadual 3** dan **Carta 2**. Senarai jumlah pelantikan mengikut skim perkhidmatan yang diuruskan oleh Suruhanjaya bagi tahun 2007 adalah seperti di **Lampiran 'A'**.

JADUAL 3
PELANTIKAN TETAP KE JAWATAN SEPARA PERUBATAN 2006 - 2007

BIL.	JAWATAN BERTARAF DIPLOMA	TAHUN	
		2006	2007
1	Juru X-Ray Gred U29	137	149
2	Jurupulih Perubatan (Anggota) Gred U29	52	62
3	Jurupulih Perubatan (Cara Kerja) Gred U29	38	60
4	Jururawat Gred U29	2,509	2,052
5	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29	149	192
6	Pembantu Perubatan Gred U29	592	569
7	Juruteknologi Makmal Perubatan Gred U29	232	233
8	Jururawat Pergigian Gred U29	121	121
9	Juruteknologi Pergigian Gred U29	38	26
10	Pembantu Farmasi Gred U29	114	107
JAWATAN BERTARAF SIJIL			
11	Jururawat Masyarakat Gred U19	1,126	1,474
12	Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U17	174	181
	JUMLAH	5,282	5,226

CARTA 2
PELANTIKAN TETAP KE JAWATAN SEPARA PERUBATAN 2006 - 2007



• **Pemilihan Mengikuti Latihan Separa Perubatan**


Dalam tahun 2007, Urus Setia Suruhanjaya dengan kerjasama Kementerian Kesihatan telah menemu duga seramai 29,722 calon berbanding 23,218 calon pada tahun 2006 bagi mengikuti latihan Separa Perubatan.

Seramai 8,463 calon telah dipilih untuk mengikuti 13 jenis latihan pada peringkat diploma dan sijil dalam tahun 2007 berbanding 7,334 calon pada tahun 2006. Sila lihat **Jadual 4** dan **Carta 3**.

JADUAL 4
PEMILIHAN PELATIH MENGIKUTI LATIHAN SEPARA PERUBATAN 2006 - 2007

BIL.	JAWATAN BERTARAF DIPLOMA	TAHUN	
		2006	2007
1	Juru X-Ray	230	290
2	Jurupulih Perubatan (Anggota)	60	80
3	Jurupulih Perubatan (Cara Kerja)	61	80
4	Jururawat	3,355	3,420
5	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran	350	363
6	Pembantu Perubatan	649	816
7	Juruteknologi Makmal Perubatan	350	510
8	Jururawat Pergigian	40	130
9	Juruteknologi Pergigian	38	80
10	Pembantu Farmasi	306	350
JAWATAN BERTARAF SIJIL			
11	Jururawat Masyarakat	1,423	1,758
12	Pembantu Pembedahan Pergigian	262	220
13	Pembantu Kesihatan Awam	210	366
	JUMLAH	7,334	8,463

CARTA 3
PEMILIHAN PELATIH MENGIKUTI LATIHAN SEPARA PERUBATAN 2006 - 2007



Pelantikan Kontrak

Dalam usaha mengisi kekosongan jawatan yang kekurangan bilangan calon seperti Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian, Suruhanjaya telah melantik secara kontrak calon warganegara dan bukan warganegara untuk berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan. Pada tahun 2007, Suruhanjaya telah melantik seramai 387 orang Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian berbanding 363 pada tahun 2006. Peningkatan jumlah pelantikan ini adalah disebabkan pertambahan permohonan pelantikan semula oleh Kementerian Kesihatan bagi mengisi kekosongan jawatan Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian dalam tahun 2007. Pelantikan semula secara Kontrak Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian bukan warganegara tahun 2006 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 5**.

JADUAL 5
PELANTIKAN DAN PELANTIKAN SEMULA SECARA KONTRAK
PEGAWAI PERUBATAN DAN PEGAWAI PERGIGIAN BUKAN WARGANEGARA 2006 - 2007

TAHUN	PEGAWAI PERUBATAN		PEGAWAI PERGIGIAN		JUMLAH
	PELANTIKAN	PELANTIKAN SEMULA	PELANTIKAN	PELANTIKAN SEMULA	
2006	66	255	11	31	363
2007	61	262	14	30	387

Suruhanjaya juga telah melaksanakan urusan pelantikan berdasarkan pelantikan semula secara kontrak seramai 375 orang warganegara dan 26 orang bukan warganegara pada tahun 2006 dan pada tahun 2007, seramai 1,684 orang warganegara dan 33 bukan warganegara. Jumlah keseluruhan di bawah pelantikan ini adalah seramai 401 orang pada tahun 2006 dan 1,717 orang pada tahun 2007. Sila lihat **Jadual 6**.

JADUAL 6
PELANTIKAN DAN PELANTIKAN SEMULA SECARA KONTRAK 2006 - 2007

TAHUN	PELANTIKAN		PELANTIKAN SEMULA		JUMLAH
	WARGANEGARA	BUKAN WARGANEGARA	WARGANEGARA	BUKAN WARGANEGARA	
2006	279	5	96	21	401
2007	1,397	7	287	26	1,717

35

Pelantikan ke Jawatan Khas

Jawatan Khas terdiri daripada jawatan Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Pengelola Bijaya DiRaja dan semua jawatan Pesuruhjaya Tinggi / Duta Besar. Dalam tahun 2007, Suruhanjaya telah menguruskan pelantikan (termasuk pelantikan kontrak) bagi Jawatan Khas berikut:

- Ketua Setiausaha Negara
- Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

- Ketua Setiausaha Perbendaharaan
- Ketua Pengarah Kesihatan
- Ketua Pengarah Kerja Raya
- Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
- Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
- Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat
- Duta Besar Malaysia ke Mesir
- Duta Besar Malaysia ke Sepanyol
- Duta Besar Malaysia ke Russia
- Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi
- Duta Besar Malaysia ke Mexico
- Duta Besar Malaysia ke Ireland
- Duta Besar Malaysia ke Republik Rakyat Demokratik Korea
- Duta Besar Malaysia ke Sweden
- Duta Besar Malaysia ke Uzbekistan
- Duta Besar Malaysia ke Romania
- Duta Besar Malaysia ke Lebanon
- Duta Besar Malaysia ke Belgium & European Union
- Duta Besar Malaysia ke Syria
- Duta Besar Malaysia ke Libya
- Duta Besar Malaysia ke Argentina
- Duta Besar Malaysia ke Republik Indonesia
- Duta Besar Malaysia ke Republik Czech
- Duta Besar Malaysia ke Itali
- Duta Besar Malaysia ke Thailand
- Duta Besar Malaysia ke Croatia
- Duta Besar Malaysia ke Vietnam
- Duta Besar Malaysia ke Belanda
- Duta Besar Malaysia ke Republik Ecuador dan Republik Colombia
- Duta Besar Malaysia ke Republik Peru
- Duta Besar Malaysia ke Republik Chile
- Duta Besar Malaysia ke Brazil
- Duta Besar Malaysia ke Switzerland
- Duta Besar Malaysia ke Myanmar
- Duta Besar Malaysia ke Kemboja
- Duta Besar Malaysia ke Jordan
- Duta Besar Malaysia ke Kuwait
- Duta Besar Malaysia ke Republik Rakyat China
- Duta Tugas-tugas Khas
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Zimbabwe
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Australia
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Ghana
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Pakistan
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Kanada
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke New Zealand
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Bangladesh

KAEDAH URUSAN PENGAMBILAN

Dalam usaha meningkatkan keberkesanan dan kecekapan urusan pengambilan, beberapa pendekatan telah diperkenalkan iaitu:

- **Temu Duga Terbuka**

Kaedah Temu Duga Terbuka telah diperkenalkan oleh Suruhanjaya khusus pada akhir tahun 2002, khususnya bagi pengambilan calon warganegara berkelulusan luar negara khusus bagi jawatan Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian. Pada tahun 2007, kaedah yang sama digunakan bagi urusan pengambilan Pegawai bagi calon lulusan dalam negeri.

Calon boleh menghadiri temu duga dengan Suruhanjaya di mana temu duga tersebut diadakan pada hari Selasa setiap minggu. Mereka yang layak dan sesuai akan diberi surat tawaran pelantikan selepas mereka ditemu duga. Pecahan urusan yang telah dibuat dalam tahun 2006 dan tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 7**.

JADUAL 7
PELANTIKAN KE JAWATAN PEGAWAI PERUBATAN, PEGAWAI PERGIGIAN DAN PEGAWAI FARMASI MENERUSI URUSAN TEMU DUGA TERBUKA 2006 - 2007

TAHUN	JAWATAN			JUMLAH
	PEGAWAI PERUBATAN	PEGAWAI PERGIGIAN	PEGAWAI FARMASI	
2006	158	12	161	331
2007	328	13	162	503

- **Pengambilan Berterusan atau Temu Duga Pelajar Tahun Akhir**

Di bawah kaedah ini, pelajar tahun akhir di institusi pengajian tinggi awam dan swasta, khususnya pelajar bidang perubatan, pergigian, dan farmasi ditemu duga bagi mengisi kekosongan jawatan Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi di Kementerian Kesihatan. Pecahan urusan yang telah dijalankan menerusi kaedah ini seperti **Jadual 8**.

JADUAL 8
PELANTIKAN KE JAWATAN PEGAWAI PERUBATAN, PEGAWAI PERGIGIAN DAN PEGAWAI FARMASI MENERUSI URUSAN PENGAMBILAN BERTERUSAN 2006 - 2007

TAHUN	JAWATAN			JUMLAH
	PEGAWAI PERUBATAN	PEGAWAI PERGIGIAN	PEGAWAI FARMASI	
2006	1,383	171	514	2,068
2007	1,089	220	410	1,719

JAWATAN YANG KEKURANGAN BILANGAN CALON

Terdapat beberapa jawatan yang sukar diisi kerana kekurangan bilangan calon yang layak dalam bidang / disiplin yang diperlukan. Jawatan tersebut adalah seperti **Jadual 3**.

JADUAL 9
JAWATAN YANG KEKURANGAN CALON 2006 - 2007

BIL.	JAWATAN	2006			2007		
		KOSONG	DIISI	BAKI	KOSONG	DIISI	BAKI
1	Pegawai Perubatan Gred U41	3,241	1,385	1,856	3,250	1,387	1,863
2	Pegawai Pergigian Gred U41	230	171	59	250	233	17
3	Pegawai Farmasi Gred U41	743	514	229	750	572	178

PEPERIKSAAN

Peperiksaan kendalian Suruhanjaya merupakan satu instrumen pengukuran tahap kebolehan dan kesesuaian calon untuk melalui proses pemilihan seterusnya iaitu temu duga. Maklumat daripada peperiksaan ini juga digunakan sebagai ramalan kemajuan dan kejayaan calon dalam jawatan yang dipohon.

Suruhanjaya juga telah melaksanakan Peperiksaan Memasuki Skim Perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) Gred M41, 14 Skim Perkhidmatan Gred 41, Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 dan 10 Skim Separa Perubatan di Kementerian Kesihatan. Ini merupakan peperiksaan memasuki Perkhidmatan Awam yang mendapat permohonan ramai calon. Keempat-empat peperiksaan ini melibatkan Peperiksaan Kecenderungan dan Ujian Sahsia serta Minat. Sepuluh Skim Latihan Separa Perubatan bertaraf diploma yang juga terlibat dalam peperiksaan adalah seperti berikut:

- 1) Juru X-Ray
- 2) Jururawat
- 3) Jururawat Pergigian
- 4) Pembantu Farmasi
- 5) Pembantu Perubatan
- 6) Juruteknologi Makmal Perubatan
- 7) Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran
- 8) Juruteknologi Pergigian
- 9) Jurupulih Perubatan (Cara Kerja)
- 10) Jurupulih Perubatan (Anggota)



Lawatan kerja ke Jabatan Meteorologi

Calon yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) layak menduduki Peperiksaan Memasuki 14 Skim Perkhidmatan seperti berikut:

- 1) Pegawai Pertahanan Awam Gred KP41
- 2) Pegawai Siasatan Gred KR41
- 3) Penguasa Bomba Gred KB41
- 4) Pegawai Keselamatan Gred KP41
- 5) Penguasa Penjara Gred KX41
- 6) Pegawai Tadbir Gred N41
- 7) Pegawai Penguat Kuasa Gred N41
- 8) Pegawai Arkib Gred S41
- 9) Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41
- 10) Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S41
- 11) Kaunselor Gred S41
- 12) Pegawai Penerangan Gred S41
- 13) Pegawai Belia dan Sukan Gred S41
- 14) Penguasa Kastam Gred W41

Sebanyak 41 urusan peperiksaan telah dikendalikan oleh Suruhanjaya pada tahun 2007 berbanding 45 urusan peperiksaan pada tahun 2006. Pada tahun 2007, seramai 311,677 orang calon telah menduduki peperiksaan berbanding 224,341 orang pada tahun 2006. Ini menunjukkan pertambahan calon layak menduduki peperiksaan sebanyak 38.93%. Perbandingan jumlah calon seperti di **Jadual 10**.

JADUAL 10
PERBANDINGAN PEPERIKSAAN KHAS / PEMERIKSAAN FIZIKAL DAN PANCAINDERA
KENDALIAN SURUHANJAYA 2006 - 2007

BIL.	PEPERIKSAAN KHAS / PEMERIKSAAN FIZIKAL	TAHUN			
		2006		2007	
		KEKERAPAN	CALON LAYAK	KEKERAPAN	CALON LAYAK
1	Ahli Muzik Gred B41 - Bertulis	2	954	1	725
2	Ahli Muzik Gred B41 - Amali	1	16	1	24
3	Ahli Muzik Gred B27 - Bertulis	2	736	1	312
4	Ahli Muzik Gred B27 - Amali	1	14	1	6
5	Ahli Muzik Gred B17 - Bertulis	0	-	1	2,442
6	Ahli Muzik Gred B17 - Amali	0	-	1	11
7	Ahli Fotografi Gred B27 - Bertulis	1	184	0	-
8	Ahli Fotografi Gred B27 - Amali	1	59	0	-
9	Ahli Fotografi Gred B17 - Bertulis	1	1,088	1	1,019
10	Ahli Fotografi Gred B17 - Amali	1	127	1	208
11	Artis Budaya Gred B27 - Bertulis	0	-	1	2020
12	Artis Budaya Gred B27 - Amali	0	-	1	139
13	Latihan Separa Perubatan Gred U29	1	34,971	1	42,397
14	Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41	2	68,504	2	87,168
15	Pegawai Kebudayaan Gred B41 - Bertulis	1	300	1	417
16	Pegawai Kebudayaan Gred B41 - Amali	1	115	1	191
17	Pegawai Kebudayaan Gred B27 - Bertulis	1	284	1	2,713
18	Pegawai Kebudayaan Gred B27 - Amali	1	129	1	373
19	Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41	0	-	1	3,142
20	Penolong Pegawai Kaw. Trafik Udara Gred A29 - Bertulis	1	702	0	-
21	Penolong Pegawai Kaw. Trafik Udara Gred A29 - Amali	1	440	0	-
22	Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A41 - Bertulis	1	500	0	-
23	Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A41 - Amali	1	280	0	-
24	Penerbit Rancangan Gred B41 - Bertulis	1	405	1	1,305
25	Penerbit Rancangan Gred B41 - Amali	1	79	1	377
26	Penerbit Rancangan Gred B27 - Bertulis	0	-	1	1,134
27	Penerbit Rancangan Gred B27 - Amali	1	239	1	377
28	Penerbit Rancangan Gred B17- Bertulis	1	1,043	0	-
29	Penerbit Rancangan Gred B17- Amali	1	190	0	-

BIL.	PEPERIKSAAN KHAS / PEMERIKSAAN FIZIKAL	TAHUN			
		2006		2007	
		KEKERAPAN	CALON LAYAK	KEKERAPAN	CALON LAYAK
30	Pereka Gred B41	1	460	0	-
31	Pereka Gred B27	1	386	0	-
32	Pereka Gred B17	1	1,694	0	-
33	Penolong Pegawai Tadbir Gred N27	0	-	1	37,101
34	14 Skim Perkhidmatan Gred 41	1	64,051	1	82,015
35	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17	1	7,010	0	-
36	Pegawai Keselamatan Gred KP41	0	-	1	92
37	Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP27	0	-	1	662
38	Pembantu Keselamatan Gred KP17	1	534	1	2,807
39	Pegawai Penguatkuasa Gred N41	0	-	1	31
40	Pegawai Penguatkuasa Gred KP41	1	892	0	-
41	Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred N27	0	-	2	2,125
42	Pembantu Penguat kuasa Gred N17	1	4,189	1	4,670
43	Laskar Kelas II Maritim Gred X1	2	3,598	2	5,981
44	Leftenan Muda Maritim Gred X13	0	-	1	2,060
45	Leftenan Maritim Gred X17	0	-	1	1,349
46	Penolong Penguasa Bomba Gred KB29	1	1,130	0	-
47	Pegawai Bomba Gred KB17	1	12,596	0	-
48	Penguasa Penjara Gred KX41	2	381	1	175
49	Penolong Penguasa Penjara Gred KX27	0	-	3	3,099
50	Pegawai Penjara Gred KX17	1	10,962	1	19,251
51	Pegawai Pertahanan Awam Gred KP41	1	208	0	-
52	Penolong Pegawai Pertahanan Awam Gred KP27	1	561	0	-
53	Pembantu Pertahanan Awam Gred KP17	1	4,039	1	3,759
54	Pembantu Kesatria Gred S17	1	291	0	-
JUMLAH		45	224,341	41	311,677

	Peperiksaan Khas
	Pemeriksaan Fizikal dan Pancaindera

Sepanjang tahun 2007, Suruhanjaya telah menjemput 311,677 orang calon yang layak untuk menduduki 41 jenis peperiksaan. Daripada 155,747 orang calon yang hadir, hanya 45,301 orang calon lulus dan dipanggil temu duga atau menghadiri *PTD Assessment Centre* (PAC) sebelum ditemu duga. Maklumat terperinci seperti **Jadual 11**.

JADUAL 11
PECAHAN URUSAN PEPERIKSAAN KHAS/ PEMERIKSAAN FIZIKAL DAN PANCAINDERA TAHUN 2007

BIL.	PEPERIKSAAN KHAS / PEMERIKSAAN FIZIKAL	TARIKH	JUMLAH CALON		
			LAYAK	HADIR	LULUS
1.	Latihan Separa Perubatan Gred U29 1/2007	6 Januari	42,397	22,587	13,008
2.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41 1/2007	3 Febuari	43,339	20,430	3,528
3.	Ahli Muzik Gred B27 - Bertulis	3 - 6 April	312	62	6
4.	Ahli Muzik Gred B27 - Amali	3 - 6 April	6	6	3
5.	Artis Budaya Gred B27 - Bertulis	11 April	2,020	681	139
6.	Ahli Muzik Gred B17 - Bertulis	7 Mei	2,442	528	11
7.	Pegawai Kebudayaan Gred B41 - Bertulis	23 Mei	417	247	191
8.	Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 - Bertulis	29 Mei	37,101	28,480	4,496
9.	Artis Budaya Gred B27 - Amali	26 Jun	139	70	9
10.	Ahli Muzik Gred B41 - Bertulis	28 Jun	725	205	24
11.	Pegawai Kebudayaan Gred B27 - Bertulis	28 Jun	2,712	1,436	373
12.	Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41 - Bertulis	17 Julai	3,142	1,635	578
13.	Pegawai Kebudayaan Gred B41 - Amali	24 - 26 Julai	191	109	68
14.	Ahli Fotografi Gred B17 - Bertulis	31 Julai	1,019	384	208
15.	Pegawai Tadbir Dan Diplomatik Gred M41 2/2007	4 Ogos	43,829	17,975	2,998
16.	Ahli Muzik Gred B17 - Amali	20 Ogos	11	5	0
17.	14 Skim Perkhidmatan Gred 41	22 Ogos	82,015	41,503	9,979
18.	Penerbit Rancangan Gred B27 - Bertulis	28 Ogos	1,134	590	377
19.	Penerbit Rancangan Gred B41 - Bertulis	29 Ogos	1,305	704	377
20.	Pegawai Kebudayaan Gred B27 - Bertulis	4 - 7 September	373	272	179
21.	Ahli Muzik Gred B41 - Amali	11 - 12 dan 14 September	24	10	0
22.	Ahli Fotografi Gred B17 - Amali	3 - 4 Oktober	208	171	25
23.	Penerbit Rancangan Gred B41 - Amali	26 - 28 November	377	359	274

BIL.	PEPERIKSAAN KHAS / PEMERIKSAAN FIZIKAL	TARIKH	JUMLAH CALON		
			LAYAK	HADIR	LULUS
24.	Penerbit Rancangan Gred B27	10 - 12 Disember	377	344	247
25.	Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred N27	3 - 12 Januari	770	261	185
26.	Penguasa Penjara Gred KX41	9 - 19 Januari	175	102	66
27.	Pembantu Pertahanan Awam Gred KP17	21 - 26 Januari	3,759	563	322
28.	Pembantu Penguatkuasa Gred N17	4 - 9 Februari	4,670	1,575	687
29.	Pembantu Keselamatan Gred KP17	11 - 23 Mac	2,807	482	321
30.	Pegawai Penjara KX17	22 April - 25 Mei	19,251	8,862	3,395
31.	Leftenan Maritim Gred X17	23 April - 4 Mei	1,349	420	239
32.	Leftenan Muda Maritim Gred X13	7 - 23 Mei	2,060	801	467
33.	Pegawai Penguatkuasa Gred N41	4 - 9 Mei	31	10	6
34.	Penolong Penguasa Penjara Gred KX27	8 - 18 Mei	1,673	420	239
35.	Laskar Kelas II Maritim Gred X1	13 - 22 Mei	2,647	913	571
36.	Penolong Penguasa Penjara Gred KX27	5 - 15 Jun	1,365	420	239
37.	Penolong Penguasa Penjara Gred KX27	29 Oktober	61	10	3
38.	Pegawai Keselamatan Gred KP41	27 November	92	21	9
39.	Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP27	26 - 27 November	662	294	185
40.	Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred N27	17 - 18 Disember	1,355	545	315
41.	Laskar Kelas II Maritim Gred X1	9 - 18 Disember	3,334	1,255	954
JUMLAH			311,677	155,747	45,301

	Peperiksaan Khas
	Pemeriksaan Fizikal dan Pancaindera

URUSAN PENGAMBILAN PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK (PTD)

Semua calon yang lulus Peperiksaan Memasuki Skim Perkhidmatan PTD Gred M41 disyaratkan menghadiri penilaian di *PTD Assessment Centre* (PAC) yang dikendalikan bersama oleh SPA dan JPA di INTAN. Pada tahun 2007 sebanyak dua sesi PAC telah diadakan iaitu sesi pertama pada 13-15 April 2007, 20-22 April 2007, 27-29 April 2007 dan 4-6 Mei 2007 bagi urusan pengambilan bilangan 1/2007 dan sesi kedua pada 2-4 November 2007, 9-11 November 2007, 6-18 November 2007 dan 23-25 November 2007 bagi urusan pengambilan bilangan 2/2007. Seramai 6,526 orang calon telah dipanggil menghadiri PAC pada tahun 2007. Calon dinilai melalui aspek perilaku, penampilan, keyakinan dan ketahanan diri, pengucapan awam, kemahiran berkomunikasi, potensi kepimpinan dan berpengetahuan. Daripada 6,526 orang calon tersebut, 1,624 orang calon sahaja yang lulus. Dalam urusan bilangan 1/2007 seramai 991 calon dipanggil temu duga. Bagi urusan bilangan 2/2007 temu duga dijalankan pada Januari 2008 yang melibatkan seramai 1,278 calon. Seramai 807 orang calon telah berjaya dilantik ke jawatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD). Maklumat terperinci seperti di **Jadual 12**.



Seminar Teknik Temu Duga di Awana, Genting Golf and Country Club pada 14-16 Ogos 2007.

JADUAL 12
URUSAN PENGAMBILAN PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK (PTD) TAHUN 2007

BIL. PEPERIKSAAN	PEPERIKSAAN			LULUS ASSESSMENT CENTRE	TEMU DUGA		
	PANGGIL	HADIR	LULUS		PANGGIL	HADIR	BERJAYA
1/2007	43,339	20,430	3,528	1,000	**991	956	*807
2/2007	43,829	17,975	2,998	624	1,278 (termasuk 654 calon gagal temu duga bilangan 1/2007)	Temu duga pada Januari 2008	-
JUMLAH	87,168	38,405	6,526	1,624	2,269	956	* 807

* 534 calon adalah yang ditemu duga pada tahun 2006 dan ditawarkan awal tahun 2007.

** Sembilan (9) calon telah ditawarkan jawatan lain.

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
LAPORAN TAHUNAN
2007



URUSAN PERKHIDMATAN

Suruhanjaya melaksanakan urusan perkhidmatan bagi pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Negeri di bawah bidang kuasanya seperti berikut:

- pengesahan pelantikan;
- pengesahan dalam perkhidmatan;
- pelanjutan tempoh percubaan;
- pemberian taraf berpencen;
- kembali ke dalam skim perkhidmatan terdahulu;
- penamatan perkhidmatan;
- pertukaran perkhidmatan; dan
- penetapan gaji permulaan.

Urusan perkhidmatan yang diuruskan pada tahun 2007 melibatkan 73,332 orang pegawai.

Pengesahan Pelantikan

Pengesahan pelantikan adalah satu proses untuk mengesahkan pelantikan calon yang menerima sesuatu tawaran jawatan dan telah memenuhi syarat-syarat dalam tawaran pelantikan mengikut Peraturan 19(1), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005. Maklumat lanjut Pengesahan Pelantikan adalah seperti **Jadual 13**.

JADUAL 13
PENGESAHAN PELANTIKAN 2006 - 2007

PERKHIDMATAN	2006			2007		
	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH
Perkhidmatan Awam Am Persekutuan	6,554	11,177	17,731	4,923	17,653	22,576
Jumlah Keseluruhan	6,554	11,177	17,731	4,923	17,653	22,576

Pengesahan Dalam Perkhidmatan

Seseorang pegawai yang telah menjalani tempoh percubaan dengan jayanya, sama ada tempoh percubaan asal ataupun yang dilanjutkan, lulus peperiksaan yang ditetapkan (jika ada), hadir dengan jayanya Kursus Induksi dan mendapat sokongan Ketua Jabatan, layak disahkan dalam perkhidmatan mengikut Peraturan 27(1), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.

Suruhanjaya telah meluluskan pengesahan dalam perkhidmatan untuk 20,760 orang pegawai pada tahun 2007 dan 17,208 orang pegawai pada tahun 2006, dengan penambahan sebanyak 3,751 orang. Pecahan urusan pengesahan dalam perkhidmatan bagi tahun 2006 dan tahun 2007 adalah seperti **Jadual 14**.

JADUAL 14
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN 2006 - 2007

PERKHIDMATAN	2006			2007		
	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH
Perkhidmatan Awam Am Persekutuan	2,963	14,031	16,994	3,876	16,932	20,808
Perkhidmatan Awam Negeri:						
(i) Melaka	-	-	-	4	22	26
(ii) Pulau Pinang	-	12	12	9	47	56
(iii) Negeri Sembilan	-	102	102	7	60	67
(iv) Perlis	-	100	100	-	2	2
JUMLAH	-	214	214	20	131	151
JUMLAH KESELURUHAN	2,963	14,245	17,208	3,896	17,063	20,959



Perjumpaan Khas Y. Bhg. Tan Sri Mohd Sidek Hassan, Ketua Setiausaha Negara bersama Ahli Suruhanjaya SPA pada 8 Oktober 2007.

Pelanjutan Tempoh Percubaan

Tempoh percubaan pegawai yang tidak dapat disahkan dalam perkhidmatan kerana tidak lulus peperiksaan atau belum hadir dengan jayanya Kursus Induksi yang ditetapkan atau tidak mendapat perakuan sokongan daripada Ketua Jabatan boleh dilanjutkan tempoh percubaan sama ada dengan denda atau tanpa denda mengikut Peraturan 28(1), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.

Pada tahun 2007, 1,503 orang pegawai di bawah bidang kuasa Suruhanjaya telah diberi lanjutan tempoh percubaan berbanding 1,187 orang pegawai pada tahun 2006. Maklumat mengenai lanjutan tempoh percubaan adalah seperti **Jadual 15**.

JADUAL 15
PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN 2006 - 2007

PERKHIDMATAN	2006			2007		
	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH
Perkhidmatan Awam Am Persekutuan	87	1,098	1,185	147	1,324	1,471
Perkhidmatan Awam Negeri:						
(i) Melaka	-	2	2	-	11	11
(ii) Pulau Pinang	-	-	-	-	14	14
(iii) Negeri Sembilan	-	-	-	-	4	4
(iv) Perlis	-	-	-	-	3	3
JUMLAH	-	2	2	-	32	32
JUMLAH KESELURUHAN	87	1,100	1,187	147	1,356	1,503

Pemberian Taraf Berpencen

48

Seseorang pegawai tetap yang telah disahkan dalam perkhidmatan, tidak bersetuju memilih opsyen skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan telah berkhidmat selama tidak kurang daripada tiga tahun perkhidmatan yang boleh dimasukira, boleh diberi taraf berpencen oleh Suruhanjaya mengikut Peraturan 36(1) dan (2), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.

Pada tahun 2007, Suruhanjaya telah meluluskan pemberian taraf berpencen kepada 17,262 orang pegawai dari Perkhidmatan Awam Am Persekutuan serta Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, dan Perlis berbanding 8,687 orang pegawai pada tahun 2006. Maklumat lanjut seperti **Jadual 15**. Walau bagaimanapun, jadual tersebut tidak menunjukkan urusan pemberian taraf berpencen kepada pegawai Kumpulan Sokongan II oleh Ketua Jabatan di bawah kuasa yang diwakilkan oleh Suruhanjaya.

JADUAL 16
PEMBERIAN TARAF BERPENCEN 2006 - 2007

PERKHIDMATAN	2006			2007		
	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH
Perkhidmatan Awam Am Persekutuan	1,464	7,127	8,591	2,313	14,773	17,086
Perkhidmatan Awam Negeri:						
(i) Melaka	-	21	21	-	54	54
(ii) Pulau Pinang	-	45	45	-	58	58
(iii) Negeri Sembilan	-	30	30	-	62	62
(iv) Perlis	-	-	-	-	2	2
JUMLAH	-	96	96	-	176	176
JUMLAH KESELURUHAN	1,464	7,223	8,687	2,313	14,949	17,262

Kembali Ke Dalam Skim Perkhidmatan Terdahulu

Seseorang pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan terdahulu sebelum dilantik ke dalam skim perkhidmatan yang lain boleh dibenarkan kembali ke dalam skim perkhidmatan terdahulu apabila gagal untuk disahkan ke dalam skim perkhidmatan yang lain dengan syarat ada kekosongan jawatan dalam skim perkhidmatan terdahulu itu, kegagalan pegawai untuk disahkan bukanlah atas sebab kelakuannya yang tidak memuaskan dan persetujuan Ketua Perkhidmatan yang berkenaan diperolehi. Pada tahun 2007 terdapat lima kes pegawai yang dikembalikan ke dalam skim perkhidmatan terdahulu, berbanding dengan tujuh kes pada tahun 2006.

Penamatan Perkhidmatan

Calon yang dilantik ke dalam perkhidmatan awam mestilah cukup sihat dan tidak mempunyai sebarang rekod jenayah. Kerajaan tidak dapat meneruskan perkhidmatan seseorang pegawai jika didapati kesihatan mereka tidak memuaskan atau mempunyai rekod jenayah. Pegawai tersebut boleh ditamatkan perkhidmatannya mengikut Peraturan 46, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005. Bagi pegawai yang gagal disahkan dalam perkhidmatan selepas tamat tempoh percubaan mereka kerana gagal memenuhi syarat pengesahan yang ditetapkan, juga boleh ditamatkan perkhidmatannya mengikut Peraturan 47(1), Peraturan-peraturan yang sama.

Suruhanjaya telah menamatkan 44 orang pegawai pada tahun 2007 dan 86 orang pegawai pada tahun 2006 atas sebab seperti **Jadual 17**.

JADUAL 17
KES PENAMATAN PERKHIDMATAN 2006 - 2007

BIL.	SEBAB PENAMATAN PERKHIDMATAN	2006			2007		
		PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH
1	Tidak mendapat sokongan perakuan daripada Ketua Jabatan	-	8	8	-	2	2
2	Membuat akuan palsu dalam akuan berkanun	-	6	6	-	3	3
3	Tidak lulus peperiksaan yang ditetapkan	1	71	72	-	24	24
4	Prestasi / Tatakelakuan	-	-	-	-	15	15
JUMLAH		1	85	86	-	44	44

Pertukaran

Pertukaran yang diuruskan oleh Suruhanjaya melibatkan:

- 1) pertukaran seseorang pegawai dalam skim perkhidmatan yang sama dalam perkhidmatan yang berada di bawah bidang kuasa Suruhanjaya;
- 2) pertukaran seseorang pegawai dari Perkhidmatan Awam yang berada di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang lain dan pegawai badan berkanun ke Perkhidmatan Awam di bawah bidang kuasa Suruhanjaya; dan
- 3) pelepasan seseorang pegawai di bawah bidang kuasa Suruhanjaya ke Perkhidmatan Awam di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang lain.



Tetamu jemputan yang hadir ke majlis perasmian Hari SPA Bersama Pelanggan di Pulau Pinang

Pertukaran ini dilaksanakan mengikut Surat Pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Bilangan 1 Tahun 2005, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2007 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2002 melalui kaedah berikut:

- 1) pertukaran perkhidmatan;
- 2) pelantikan secara pertukaran sementara;
- 3) pelantikan secara peminjaman;
- 4) pertukaran pelantikan;
- 5) pelantikan secara pertukaran tetap perkhidmatan; dan
- 6) pelepasan dari Perkhidmatan Awam Am Persekutuan.

Pertukaran Perkhidmatan Atas Permohonan Pegawai

Pertukaran seseorang pegawai ke dalam skim perkhidmatan yang sama dan berada di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang berlainan dengan mendapat persetujuan Ketua Jabatan agensi asal Pegawai dan Ketua Jabatan agensi penerima. Alasan yang boleh dijadikan asas pertimbangan Suruhanjaya adalah seperti berikut:

- 1) faktor perikemanusiaan seperti mengikuti suami atau isteri; menjaga ibu bapa atau ahli keluarga yang uzur; atau sebab kesihatan; atau
- 2) arahan Kerajaan yang memerlukan pegawai bertugas di agensi awam yang tidak membolehkan beliau ditempatkan secara pertukaran biasa; atau
- 3) perkhidmatan, kemahiran, kepakaran atau pengalaman pegawai sangat diperlukan oleh agensi penerima; dan
- 4) tidak menjejaskan peluang kenaikan pangkat pegawai sedia ada di agensi penerima jika pertukaran pelantikan melibatkan jawatan kenaikan pangkat.

Kelulusan pertukaran perkhidmatan yang diuruskan oleh Suruhanjaya adalah mengikut Surat Pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Bilangan 17 Tahun 2002. Pada tahun 2007, Suruhanjaya telah meluluskan 59 pertukaran perkhidmatan dan 41 pertukaran pelantikan berbanding dengan 66 pertukaran perkhidmatan dan 30 pertukaran pelantikan pada tahun 2006. Maklumat lanjut pertukaran perkhidmatan adalah seperti **Jadual 18**.



Perhimpunan Bulanan SPA

JADUAL 18
PERTUKARAN PERKHIDMATAN 2006 - 2007

BIL.	PERKHIDMATAN	2006			2007		
		PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH
1	Dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan	2	52	54	8	38	46
2	Dari Perkhidmatan Awam Negeri di bawah bidang kuasa Suruhanjaya ke Perkhidmatan Awam Am Persekutuan	-	3	3	2	10	12
3	Dari Perkhidmatan Awam Persekutuan Perkhidmatan Awam Negeri-negeri bukan di bawah bidang kuasa Suruhanjaya ke Perkhidmatan Awam Negeri di bawah bidang kuasa Suruhanjaya	-	6	6	-	1	1
4	Dari Perkhidmatan Awam Negeri-negeri bukan di bawah bidang kuasa Suruhanjaya ke Perkhidmatan Awam Am Persekutuan	-	3	3	-	-	-
JUMLAH		2	64	66	10	49	59

Pelantikan Secara Pertukaran Sementara

Pelantikan secara pertukaran sementara bermaksud pelantikan seseorang pegawai ke suatu skim perkhidmatan lain yang berada di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang sama untuk tempoh tertentu tanpa memutuskan ikatan pegawai itu dengan perkhidmatan asalnya. Pertukaran sementara ini biasanya untuk mengisi jawatan terbuka.

Pada tahun 2007, Suruhanjaya telah meluluskan 256 perakuan pelantikan secara pertukaran sementara pegawai dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan bagi mengisi jawatan di kementerian / jabatan dan Perkhidmatan Awam Negeri di bawah bidang kuasa Suruhanjaya, berbanding 200 perakuan pada tahun 2006.

Pelantikan Secara Peminjaman

Pelantikan secara peminjaman ialah pelantikan seseorang pegawai ke suatu skim perkhidmatan yang berada di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang berlainan untuk tempoh tertentu tanpa memutuskan ikatan pegawai itu dengan perkhidmatan asalnya.

Pada tahun 2007, Suruhanjaya telah meluluskan 50 perakuan pelantikan secara peminjaman berbanding 52 perakuan pada tahun 2006.

Pertukaran Tetap Perkhidmatan

Pertukaran tetap perkhidmatan ialah pelantikan pegawai yang sedang berkhidmat secara peminjaman atau pertukaran sementara ke mana-mana jawatan di agensi peminjam di mana dengan pelantikan itu hubungan pegawai dengan perkhidmatan asalnya terputus kecuali bagi tujuan faedah pencen dan faedah yang lain seperti yang ditetapkan dalam syarat pertukaran tetap.

Pada tahun 2007, Suruhanjaya telah meluluskan 11 pertukaran tetap perkhidmatan pegawai. Maklumat mengenai pelantikan secara pertukaran sementara, peminjaman dan pertukaran tetap perkhidmatan bagi tahun 2006 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 19**.

JADUAL 19
PELANTIKAN SECARA PERTUKARAN SEMENTARA, PEMINJAMAN,
PERTUKARAN TETAP PERKHIDMATAN 2006 - 2007

BIL.	JENIS PERKHIDMATAN	2006			2007		
		PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH
1	Pelantikan Secara Pertukaran Sementara	1	199	200	207	49	256
2	Pelantikan Secara Peminjaman (i) Pihak Berkuasa Melantik yang lain	-	-	-	4	-	4
	(ii) Perkhidmatan Badan Berkanun	47	5	52	40	6	46
	JUMLAH	47	5	52	44	6	50
3	Pertukaran Tetap Perkhidmatan (i) Pelantikan Secara Pertukaran Sementara ke Perkhidmatan Tetap	9	-	9	11	-	11
	JUMLAH	9	-	9	11	-	11
	JUMLAH BESAR	57	204	261	262	55	317

Pelepasan Untuk Peminjaman Dan Pertukaran Pelantikan

Pelepasan untuk pelantikan secara peminjaman bermaksud pelepasan yang diberikan kepada seseorang pegawai oleh Suruhanjaya untuk berkhidmat dalam perkhidmatan di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang lain bagi suatu tempoh tertentu di mana hubungan pegawai dengan perkhidmatan asalnya tidak terputus.

Pelepasan untuk pertukaran pelantikan bermaksud pelepasan yang diberikan kepada seseorang pegawai oleh Suruhanjaya untuk bertukar pelantikan di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang lain di mana hubungan pegawai dengan perkhidmatan asalnya terputus kecuali bagi tujuan faedah pencen dan faedah lain yang ditetapkan. Suruhanjaya telah meluluskan 114 permohonan di mana 112 permohonan pelepasan untuk peminjaman dan dua melibatkan pelepasan untuk pertukaran pelantikan pada tahun 2007.

Pada tahun 2006, Suruhanjaya telah meluluskan 69 permohonan, bagi pelepasan untuk peminjaman dan tiada pelepasan untuk pertukaran pelantikan. Maklumat lanjut pelepasan untuk peminjaman dan pertukaran pelantikan bagi tahun 2006 dan 2007 adalah seperti **Jadual 20**.

JADUAL 20
PELEPASAN UNTUK PEMINJAMAN DAN PERTUKARAN PELANTIKAN 2006 - 2007

BIL.	URUSAN	2006			2007		
		PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH
1	Pelepasan untuk peminjaman	64	5	69	103	9	112
2	Pelepasan untuk pertukaran pelantikan	-	-	-	-	2	2
	JUMLAH	64	5	69	103	11	114

Pertukaran Pelantikan Melalui Pemberian Opsyen

Pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen bermaksud perpindahan seseorang pegawai dari satu skim perkhidmatan yang sama atau berlainan yang timbul akibat pembubaran atau pemansuhan jawatan yang perlu dibuat melalui opsyen. Pegawai yang menolak tawaran pertukaran pelantikan hendaklah dibersarakan di bawah Seksyen 10(5)(b) atau 10(5)(c) Akta Pencen 1980 (bagi pegawai berpencen) atau ditamatkan perkhidmatan (bagi pegawai tidak berpencen).

Pada tahun 2007, Suruhanjaya telah meluluskan pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen kepada 9,178 orang pegawai berbanding seramai 10,882 orang pegawai pada tahun 2006. Penurunan / peningkatan bergantung kepada pekeliling-pekeliling daripada Jabatan Perkhidmatan Awam. Maklumat lanjut pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen bagi tahun 2006 dan 2007 adalah seperti **Jadual 21**.

JADUAL 21
PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN 2006 - 2007

BIL.	JENIS PERTUKARAN	2006			2007		
		PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH
1	Perkhidmatan Awam Am Persekutuan	162	10,720	10,882	188	8,990	9,178
2	Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri ke Perkhidmatan Awam Am Persekutuan	-	-	-	-	-	-
	JUMLAH	162	10,720	10,882	188	8,990	9,178

Penetapan Gaji Permulaan

Penetapan gaji permulaan seseorang pegawai dilaksanakan berdasarkan kepada peraturan berikut:

- seseorang pegawai yang dilantik bagi kali pertama ke dalam perkhidmatan awam akan dibayar gaji permulaan dalam tangga gaji jawatan skim perkhidmatan yang dimasukinya;
- pegawai yang telah disahkan kemudiannya dilantik ke dalam skim perkhidmatan yang lain, gaji permulaan pegawai itu hendaklah pada suatu gaji yang lebih tinggi seperti di Peraturan 23(5), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005; dan
- pegawai yang mempunyai pengalaman relevan boleh diambil kira untuk menentukan gaji permulaannya apabila dilantik ke dalam perkhidmatan Awam berdasarkan satu pergerakan gaji biasa bagi tiap-tiap genap satu tahun pengalaman yang relevan itu seperti di Peraturan 23(2), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan perkhidmatan) 2005

Pada tahun 2007, Suruhanjaya telah meluluskan 1,318 urusan penetapan gaji permulaan pegawai Perkhidmatan Awam berdasarkan kepada Peraturan 23(2), dan 23(5), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005. Maklumat lanjut penetapan gaji permulaan bagi tahun 2006 dan 2007 adalah seperti **Jadual 22**.

JADUAL 22
PENETAPAN GAJI PERMULAAN 2006 - 2007

BIL.	URUSAN	2006			2007		
		PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH
1	Pegawai Sementara / Kontrak / Pinjaman / Tukar Sementara yang dilantik tetap mengikut Peraturan 23(2), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005	44	120	164	39	59	98
2	Pegawai tetap yang dilantik ke jawatan baru mengikut Peraturan 23(5), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005	345	816	1,161	87	791	878
3	Pegawai yang dilantik mempunyai pengalaman di sektor swasta mengikut Peraturan 23(2), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005	282	58	340	95	180	275
4	Pegawai yang dilantik mempunyai pengalaman dalam perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia	1	42	43	3	64	67
JUMLAH		672	1,036	1,708	224	1,094	1,318



Lawatan Kerja Tan Sri KSN ke SPA Putrajaya

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
LAPORAN TAHUNAN
2007



URUSAN KENAIKAN
PANGKAT
DAN TATATERTIB

KENAIKAN PANGKAT

Berdasarkan peruntukan undang-undang, khususnya Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat bagi perkhidmatan yang berkaitan, hampir semua aspek urusan kenaikan pangkat dijalankan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat di peringkat kementerian, jabatan dan pentadbiran negeri yang berkenaan. Suruhanjaya berfungsi sebagai Lembaga Kenaikan Pangkat bagi:

- kenaikan pangkat ke jawatan dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi yang melibatkan Ahli Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam; dan
- kenaikan pangkat pegawai dalam Skim Perkhidmatan Bersepadu yang melibatkan proses kenaikan pangkat dari satu gred ke satu gred yang lebih tinggi dalam kumpulan perkhidmatan yang berlainan.

Sepanjang tahun 2007, Suruhanjaya telah menjalankan empat urusan kenaikan pangkat (6 orang pegawai) berbanding tujuh urusan pada tahun 2006 (11 orang pegawai) seperti di **Jadual 23**.

JADUAL 23
URUSAN KENAIKAN PANGKAT 2006 - 2007

BIL.	URUSAN	2006 (BIL. PEGAWAI)	2007 (BIL. PEGAWAI)
1	Kenaikan Pangkat Ahli Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, PTD Gred Utama Turus III ke jawatan PTD Gred Utama Turus II (memangku)	-	1
2	Kenaikan Pangkat Ahli Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, PTD Gred Utama Turus II	-	1
3	Kenaikan Pangkat Ahli Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, PTD Gred Utama Turus II ke jawatan PTD Gred Utama Turus I (memangku)	-	1
4	Kenaikan Pangkat Skim Perkhidmatan Bersepadu bagi jawatan Jururawat Gred U29/U36 ke Gred U42 di Kementerian Pertahanan	-	3
5	Kenaikan pangkat ke jawatan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred Utama Turus II (memangku)	1	-
6	Kenaikan Pangkat ke jawatan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred Utama Turus III	1	-
7	Kenaikan Pangkat ke jawatan Pegawai Latihan Vokasional Gred J3 (J41) dari Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred J4 dan Gred J5	33	-
8	Kenaikan Pangkat ke jawatan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred Utama Turus III	1	-
9	Kenaikan Pangkat ke jawatan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred Utama Turus III	1	-
10	Kenaikan Pangkat ke jawatan Pegawai Latihan Vokasional Gred J3 (J41/J42) dari jawatan Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred J5 (J29)	5	-
11	Kenaikan Pangkat ke jawatan Penerbit Rancangan Gred B42 dari jawatan Penerbit Rancangan Gred B32 di Jabatan Penyiaran Malaysia	1	-
JUMLAH		43	6

RAYUAN KENAIKAN PANGKAT

Suruhanjaya juga berfungsi sebagai Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat bagi menimbangkan rayuan yang melibatkan pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan serta Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis. Rayuan kenaikan pangkat yang melibatkan pegawai Kumpulan Sokongan berada di bawah bidang kuasa Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat di Jabatan Perdana Menteri.

Sepanjang tahun 2007, Suruhanjaya selaku Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam yang berkenaan telah menimbang 15 kes yang melibatkan 30 orang pegawai berdasarkan kepada tiga urusan iaitu merayu kerana gagal dinaikkan pangkat (2 kes / 3 orang pegawai), merayu membelakangkan tarikh kenaikan pangkat (3 kes / 5 orang pegawai) dan merayu kerana gagal dalam urusan pemangkuan (10 kes / 22 orang pegawai).

Daripada jumlah kes tersebut, rayuan tiga orang pegawai yang gagal dinaikkan pangkat berkeputusan dua rayuan ditolak dan satu rayuan diterima; lima orang pegawai yang merayu bagi mengubah tarikh kenaikan pangkat juga ditolak; lapan orang pegawai yang gagal dalam urusan pemangkuan diterima rayuan, manakala bakinya seramai 14 orang pegawai ditolak.

Pada tahun 2006, Suruhanjaya telah menimbangkan 17 kes yang melibatkan 27 orang pegawai berdasarkan tiga urusan iaitu merayu kerana gagal dinaikkan pangkat (4 kes / 5 orang pegawai, merayu membelakangkan tarikh kenaikan pangkat (5 kes / 7 orang pegawai) dan merayu kerana gagal dalam urusan pemangkuan (8 kes / 15 orang pegawai).

Daripada jumlah kes tersebut, rayuan lima orang pegawai yang gagal dinaikkan pangkat ditolak, tujuh orang pegawai yang merayu bagi mengubah tarikh kenaikan pangkat juga ditolak dan lima orang pegawai yang gagal dalam urusan pemangkuan diterima rayuan mereka, manakala bakinya seramai 10 orang pegawai ditolak. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 24**.

JADUAL 24
URUSAN RAYUAN KENAIKAN PANGKAT / PEMANGKUAN 2006 - 2007

TAHUN 2006						TAHUN 2007			
BIL.	URUSAN	BIL. KES	BIL. PEGAWAI	KEPUTUSAN		BIL. KES	BIL. PEGAWAI	KEPUTUSAN	
				TERIMA	TOLAK			TERIMA	TOLAK
1	Merayu kerana gagal dinaikkan pangkat	4	5	-	5	2	3	1	2
2	Merayu membelakangkan tarikh kenaikan pangkat	5	7	-	7	3	5	-	5
3	Merayu kerana gagal dalam urusan pemangkuan	8	15	5	10	10	22	8	14
JUMLAH BESAR		17	27	5	22	15	30	9	21

KAWALAN TATATERTIB

Berdasarkan peruntukan undang-undang, khususnya Peraturan Lembaga Tatatertib yang berkaitan, sebahagian kuasa kawalan tatatertib dijalankan oleh Lembaga Tatatertib di peringkat kementerian, jabatan dan pentadbiran negeri yang berkenaan. Suruhanjaya berfungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan bagi kes seperti berikut:

- tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat yang melibatkan Pegawai Kumpulan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional di dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan; dan
- tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat yang melibatkan pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam Perkhidmatan Awam bagi Negeri Melaka dan Negeri Sembilan.
- tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat yang melibatkan pegawai dalam Kumpulan A, B dan C dalam Perkhidmatan Awam bagi negeri Melaka dan Pulau Pinang.

Sepanjang tahun 2007, Suruhanjaya telah memutuskan 12 kes tindakan tatatertib berbanding 24 kes pada tahun 2006. Maklumat lanjut kes tindakan tatatertib adalah seperti **Jadual 25**.

JADUAL 25
KES TINDAKAN TATATERTIB 2006 - 2007

BIL.	JENIS KESALAHAN	2006	2007
1	Tidak hadir bertugas / warta	*18/2	9/1
2	Sabitan Mahkamah	3	1
3	Tatakelakuan : i) Tidak bertanggungjawab ii) Tidak jujur / amanah	*2 1	1 -
JUMLAH		26	12

Nota : * satu (1) kes melibatkan 2 orang pegawai Perkhidmatan Negeri Pulau Pinang (Bil. 1)

* satu (1) kes melibatkan 1 orang pegawai Perkhidmatan Negeri Pulau Pinang (Bil. 3)

- **Tahan Kerja**

Pada tahun 2007, Suruhanjaya telah menahan kerja 11 orang pegawai yang sedang menghadapi prosiding jenayah di mahkamah berbanding tiga orang pegawai pada tahun 2006. Maklumat lanjut kes tahan kerja adalah seperti **Jadual 26**.



Tan Sri KSN menandatangani buku pelawat



Tan Sri KSN mengadakan perbincangan bersama Ahli Suruhanjaya di SPA Putrajaya

JADUAL 26
PEGAWAI YANG DIKENAKAN TAHAN KERJA 2006 - 2007

BIL.	JENIS KESALAHAN	2006	2007
1	Rasuah	2	10
2	Jenayah	1	-
3	Syariah (<i>Khalwat</i>)	-	1
JUMLAH		3	11

- Gantung Kerja**

Pada tahun 2007, Suruhanjaya telah menggantung kerja enam orang pegawai yang telah disabitkan kesalahan oleh mahkamah berbanding seorang pegawai pada tahun 2006. Maklumat lanjut seperti **Jadual 27**.

JADUAL 27
PEGAWAI YANG DIKENAKAN GANTUNG KERJA 2006 - 2007

BIL.	JENIS KESALAHAN	2006	2007
1	Rasuah	1	5
2	Syariah (<i>Khalwat</i>)	-	1
JUMLAH		1	6

LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB

Suruhanjaya juga berfungsi sebagai Lembaga Rayuan Tatatertib bagi kes seperti berikut:

- rayuan daripada semua kumpulan pegawai dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan serta Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan dan Perlis, yang dikenakan hukuman tatatertib oleh Lembaga Tatatertib di peringkat kementerian, jabatan atau pentadbiran negeri yang berkenaan; dan
- rayuan daripada pegawai Kumpulan A dalam Perkhidmatan Awam Negeri Melaka dan Pulau Pinang yang telah dikenakan hukuman selain buang kerja atau turun pangkat serta rayuan daripada pegawai Kumpulan D dalam perkhidmatan awam tersebut, yang telah dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat oleh Lembaga Tatatertib di pentadbiran negeri berkenaan.

Pada tahun 2007, Suruhanjaya telah memutuskan 156 kes rayuan tatatertib berbanding 189 kes pada tahun 2006. Maklumat lanjut kes rayuan tatatertib adalah seperti **Jadual 28**.

JADUAL 28
KES RAYUAN TATATERTIB 2006 - 2007

TAHUN	KES DIBEBASKAN	KES DIRINGKANKAN HUKUMAN	KES DITOLAK	KES REMIT	JUMLAH KES
2006	30	6	152	1	189
2007	7	2	139	8	156

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
LAPORAN TAHUNAN
2007



AKTIVITI-AKTIVITI
SURUHANJAYA

Mesyuarat Suruhanjaya

Pada tahun 2007, Suruhanjaya telah mengadakan 44 kali mesyuarat. Sebanyak 1,882 kertas Suruhanjaya telah dipertimbangkan dan ini bermakna secara purata sebanyak 42 Kertas Suruhanjaya telah dibentangkan dalam setiap mesyuarat. Mesyuarat Khas Suruhanjaya pula telah diadakan sebanyak dua kali iaitu dengan 16 kertas pertimbangan.

Mesyuarat Khas Suruhanjaya ini bertujuan membincangkan perkara dasar dan cadangan penambahbaikan urusan Suruhanjaya seperti pengambilan, perkhidmatan dan kawalan tatatertib. Mesyuarat ini telah diadakan di Pangkor Island Beach Resort, Pulau Pangkor, Perak pada 17 April 2007 dan Park City Everly, Miri, Sarawak pada 27 November 2007.

- **Mesyuarat Lembaga Rayuan**

Suruhanjaya sebagai Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam telah mengadakan 44 kali mesyuarat dan telah berjaya menimbangkan 158 kertas perakuan. Sebagai Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam pula, 23 kali mesyuarat telah diadakan dan telah menimbangkan 17 kertas perakuan.

- **Lawatan Kerja ke Kementerian / Jabatan**

Dalam usaha mempertingkatkan pengetahuan Ahli Suruhanjaya mengenai fungsi dan peranan agensi awam yang lain, Suruhanjaya telah mengadakan mesyuarat dan lawatan kerja di Jabatan Pengairan dan Saliran pada 5 Mac 2007, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia pada 26 Mac 2007, Jabatan Meteorologi pada 2 Julai 2007, Mahkamah Tinggi Miri pada 27 November 2007, Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Brunei dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Brunei pada 28 November 2007.

Lawatan tersebut bertujuan untuk mendedahkan Ahli Suruhanjaya tentang proses kerja di jabatan berkenaan dengan mendengar taklimat mengenai perjawatan dan pengisian kekosongan di samping menjalinkan hubungan baik bersama jabatan / agensi terbabit.

- **Persidangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri**

Persidangan ke-X ini merupakan anjuran bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Terengganu Darul Iman. Persidangan ini telah diadakan di Primula Beach Resort, Kuala Terengganu dari 29 Julai hingga 2 Ogos 2007 bertemakan “**Modal Insan Asas Kecemerlangan Perkhidmatan Awam**”. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Y.A.B. Dato’ Seri Haji Idris bin Jusoh, Menteri Besar Terengganu pada 30 Julai 2007. Seramai 132 orang peserta telah menghadiri persidangan ini yang terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, Pelajaran dan Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri, Ahli Suruhanjaya Pasukan Polis, Setiausaha dan Timbalan Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negeri dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia.

Objektif persidangan adalah seperti berikut:

- Memberi peluang kepada peserta berkongsi pengalaman dan bertukar pandangan mengenai isu-isu yang dibincangkan;
- Membolehkan Suruhanjaya menimba amalan terbaik dan melaksanakannya ke arah pencapaian prestasi cemerlang untuk meningkatkan tahap kepuasan hati pelanggan: dan

- Membentuk satu budaya kerja ke arah mewujudkan usaha-usaha peningkatan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan melalui sistem pengambilan terbaik penjawat awam.

Terdapat empat kertas kerja secara individu dan dua kertas kerja dalam satu forum telah disempurnakan seperti berikut:

- **Sesi 1: “Integriti Dalam Perkhidmatan Awam”**

Sesi ini telah dipengerusikan oleh Y. Bhg. Datuk Muhammad bin Mohd Nor, Timbalan Pengerusi SPA dan dibentangkan oleh Y. Bhg. Datuk Dr. Mohd Tap bin Salleh, Presiden Institut Integriti Malaysia.

- **Sesi 2: “Isu *Doctrine of Condonation* Dalam Pengendalian Tatatertib”**

Sesi ini dipengerusikan oleh Y. Bhg. Dato’ Haji Kusaini bin Haji Hasbullah, Timbalan Pengerusi SPP dan dibentangkan oleh Puan Asmabi binti Mohamad, Timbalan Ketua Bahagian Guaman 1, Jabatan Peguam Negara.

- **Sesi 3: “Penambahbaikan Sistem Pengambilan”**

Sesi ini dipengerusikan oleh Y. Bhg. Dato’ Andika Raja Dato’ Wira Haji Mohd Zain bin Osman, Pengerusi SPA Negeri Kedah dan dibentangkan oleh Encik Chin Weng Peng, Timbalan Setiausaha SPP.

- **Sesi 4: “Membudayakan Konsep TERs (*Training, Empowerment, Reward, Shoot*) Dalam Perkhidmatan Awam”**

Sesi ini dipengerusikan oleh Y. Bhg. Dato’ Haji Mat Yasir bin Juli, Pengerusi SPA Negeri Selangor dan dibentangkan oleh Y. Bhg. Dato’ Haji Mokhtar bin Nong, Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu.

- **Sesi 5 (Forum): “Pelaksanaan Ujian Psikologi”**

Sesi ini dipengerusikan oleh Y. Bhg. Dato’ Mustapha bin Saad, Pengerusi Suruhanjaya Negeri Perak dan dua kertas kerja telah dibentangkan iaitu:

- i) **Kertas 1: “*Behavioural Profiling For Selection And Development*”**

Oleh : Cik Lim Siu Ghim, Thomas International (M) Sdn. Bhd.

- ii) **Kertas 2: “Ujian Personaliti Sebagai Peramal Di Dalam Pemilihan Pekerja di Sektor Awam”**

Oleh : Puan Fatimah Wati binti Halim, Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, Universiti Kebangsaan Malaysia.





Persidangan ke-X Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Pelajaran dan Negeri di Terengganu pada 29 Julai 2007 hingga 2 Ogos 2007

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
LAPORAN TAHUNAN
2007



PROGRAM
PENAMBAHBAIKAN

USAHA-USAHA KE ARAH PENAMBAHBAIKAN

Dalam usaha SPA mencapai wawasan '**untuk menjadi sebuah agensi awam yang terunggul dalam menjalankan fungsinya**', program-program yang digubal adalah ke arah penambahbaikan sistem kerja yang ada bagi memenuhi kepuasan pelanggan. Di antara tumpuan utama dalam perancangan strategik tahun 2007 adalah memperkembangkan penggunaan *Information and Communications Technology (ICT)* di kalangan pegawai-pegawai SPA dan juga mempergiatkan usaha menggunakan ICT dalam sistem kerja yang dahulunya dibuat secara manual. Lima strategi SPA yang dirancang dan dilaksanakan pada tahun 2007 adalah berpandukan kepada strategi-strategi berikut:

- (i) **Pembangunan dan Penambahbaikan Sistem Kerja:** untuk membawa perubahan bagi membentuk budaya kerja cemerlang;
- (ii) **Pembudayaan Teknologi Terkini:** untuk memudahkan kerja, mempertingkat kecekapan dan keberkesanan bagi memberi perkhidmatan yang memenuhi kepuasan pelanggan;
- (iii) **Pembangunan Sumber Manusia:** untuk meningkatkan kualiti personel ke arah mewujudkan anggota SPA yang berpengetahuan, mahir dan bersikap positif;
- (iv) **Pakatan Strategik:** untuk melibatkan semua anggota SPA dalam program kualiti di bawah konsep (*participative management*). Asasnya ialah kerja secara berpasukan (*team work*) dan jaringan kerja (*networking*) yang luas; dan
- (v) **Pembentukan Imej:** untuk menyemarakkan semangat kecemerlangan melalui peningkatan suasana dan persekitaran kerja.

PROGRAM YANG DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2007

- Seramai 170 kakitangan SPA dari pelbagai kumpulan perkhidmatan telah mengambil ujian *IT Skill Assessment Certification (ISAC)* yang disediakan oleh INTAN bagi menilai tahap kemahiran dan pengetahuan pegawai SPA di dalam penggunaan ICT.
- Pembangunan sistem e-SPDM yang diintegrasikan dengan e-SMSM telah pun siap dan telah digunakan mulai November 2007;
- Melaksanakan pemerolehan perkakasan ICT seperti Notebook, server, peralatan keselamatan ICT dan pencetak bagi meningkatkan kemudahan ICT. Pada masa kini, nisbah kemudahan komputer kepada pengguna adalah lebih kurang 1 nisbah 1 sementara nisbah pengguna kepada pencetak adalah lebih kurang 5 nisbah 2. Kira-kira 95% daripada kakitangan SPA disediakan kemudahan e-mel pejabat;
- Dalam usaha meningkatkan maklumat kepada pelanggan, SPA telah menyediakan satu sistem maklumat berkomputer di ruang lobi Blok C7 serta di Pejabat Urus Setia Cawangan Sarawak dan Urus Setia Cawangan Sabah; dan
- SPA juga telah pun membuka satu tawaran tender terbuka bagi Projek Peperiksaan Berkomputer online (SISPEK) pada Disember 2007.

PENAMBAHBAIKAN DAN PEMBANGUNAN YANG DIRANCANG UNTUK DILAKSANAKAN DALAM TAHUN 2008

- Melaksanakan penambahbaikan terhadap Borang Penilaian Prestasi Temu Duga (BPPTD);
- Melaksanakan pembangunan aplikasi Sistem Peperiksaan Berkomputer online (SISPEK);
- Melaksanakan Sistem Pengurusan dan Penjadualan Temu Duga [*Management and Interview Schedule System (MANISS)*];
- Pelaksanaan integrasi sistem eSMSM dengan *Human Resource Management Information System (HRMIS)*;
- Pelaksanaan Sistem Pertanyaan Maklumat Perkhidmatan (SPDM);
- Pelaksanaan Sistem Inventori;
- Membangunkan Sistem Kelulusan Perakuan Berkomputer bagi urusan:
 - Pengesahan Dalam Perkhidmatan;
 - Pemberian Taraf Berpencen;
 - Pelanjutan Tempoh Percubaan;
 - Pertukaran Perkhidmatan, dan
 - Penetapan Gaji Masuk.
- Mendokumenkan dokumen MS ISO 9001 : 2000 iaitu Manual Kualiti, Prosedur Kualiti, Arahan Kerja dan lain-lain secara berkomputer;
- Mengemas kini Buku Panduan Etika Kerja Urus Setia dan membuat pemantauan;
- Membuat perolehan ICT, pemasangan, ujian dan tauliah tender *Information and Communications Technology (ICT)* yang telah diluluskan oleh Perbendaharaan;
- Mendokumenkan maklumat dan latar belakang perundangan mengenai bidang kuasa Suruhanjaya berhubung kawalan tatatertib dan kenaikan pangkat serta mengumpulkan undang-undang dan peraturan yang berkaitan Lembaga Tatatertib dan Lembaga Kenaikan Pangkat bagi semua Perkhidmatan Awam tersebut;
- Menyemak semula Perancangan Strategik SPA Tahun 2006 - 2010;
- Melaksanakan Sistem Pengambilan Bersepadu atau *Integrated Recruitment System (iRAS)* bagi jawatan tertentu dalam Kumpulan Sokongan II yang mensyaratkan kelayakan masuk dan mempunyai bidang tugas yang hampir sama;
- Mengadakan sesi taklimat / dialog Urusan Tatatertib kepada Kementerian / Jabatan / Persekutuan / Negeri; dan
- Mengadakan Persidangan Pengerusi-pengerusi Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam.





Lawatan kerja ke Terengganu

PROJEK PELAKSANAAN SISTEM PEPERIKSAAN BERKOMPUTER (SISPEK)

Projek SISPEK adalah salah satu aplikasi yang dirancang untuk dibangunkan bagi menyokong operasi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Pelan Perancangan Strategik Teknologi Maklumat SPA bagi tempoh 2006 hingga 2010. Pelaksanaan Projek SISPEK ini telah mendapat kelulusan Suruhanjaya dalam mesyuarat yang ke-2314 (Khas) pada 30 Mei 2006. SISPEK akan dilaksanakan secara *online* dan menggunakan pendekatan sistem berpusat (*centralised system*). Kajian mengenai keperluan sistem telah dikemukakan kepada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Malaysia (MAMPU) dan Perbendaharaan Malaysia dan telah mendapat kelulusan MAMPU pada 30 Julai 2007. Tender SISPEK telah pun dibuka keluaran pada Disember 2007 dan perolehan sistem dan aplikasi dijangka selesai dalam tahun 2008.

PROJEK e-SMSM

Sistem kerja utama SPA iaitu urusan pengambilan yang dahulunya dikenali sebagai Sistem Mengambil Sepanjang Masa (SMSM) telah dibuat penambahbaikan dan diberi nama baru iaitu e-SMSM. Sistem e-SMSM telah digunakan sepenuhnya 21 Februari 2007.

CAPAIAN PORTAL SPA

Sehingga 31 Disember 2007, sebanyak 3,925,443 capaian terhadap portal SPA telah direkodkan. Kemudahan urusan semakan melalui SMS oleh pelanggan merekodkan transaksi sebanyak 277,915 tetapi hanya 32,836 dikenakan bayaran dan selebihnya adalah *auto-reply* yang tidak dibayar oleh pelanggan.




Hari SPA Bersama Pelanggan di Pulau Pinang

BELANJA MENGURUS TAHUN 2007

Peruntukan Tanggungan

Di bawah maksud Tanggungan (T09), Suruhanjaya telah diluluskan peruntukan berjumlah RM4,723,200.00. Berdasarkan peruntukan ini, sebanyak RM3,159,900.00 untuk Emolumen; RM1,351,100.00 untuk Perkhidmatan dan Bekalan dan RM212,300.00 untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Suruhanjaya telah diberikan waran tambahan sebanyak RM688,000.00. Peruntukan yang telah dibelanjakan sehingga tarikh Akaun Awam tahun 2007 ditutup ialah RM5,148,751.01 atau 95.15%. Prestasi Perbelanjaan Tanggungan bagi tahun 2007 adalah seperti **Carta 4**.




Peruntukan Bekalan

Di bawah Maksud Bekalan (B05), Urus Setia Suruhanjaya telah diluluskan peruntukan sebanyak RM37,118,000.00. Dari jumlah itu sebanyak RM11,011,900.00 untuk Emolumen; RM21,154,900.00 untuk Perkhidmatan dan Bekalan; RM10,500.00 untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap dan RM1,000,300.00 untuk Aset. Waran Peruntukan Tambahan sebanyak RM4,297,000.00 telah diluluskan melalui Waran Pendahuluan Kumpulan Wang Luar Jangka. Perbelanjaan sebenar sehingga tarikh penutupan Akaun Awam 2007 adalah sebanyak RM33,709,350.48 atau 91.20%. Prestasi Perbelanjaan Bekalan bagi tahun 2007 adalah seperti **Carta 5**.

CARTA 5

Prestasi Perbelanjaan Bekalan Tahun 2007



PROGRAM HARI SPA BERSAMA PELANGGAN

Pada tahun 2007, Suruhanjaya telah berjaya melaksanakan program Hari SPA Bersama Pelanggan seperti yang dijadualkan khususnya di Putrajaya. Pelaksanaan program di negeri-negeri dapat dilaksanakan dengan lancar seperti yang dirancang tertakluk pada kesesuaian tarikh dan masa kerajaan negeri berkenaan. Suruhanjaya telah mendapat kerjasama yang baik daripada kerajaan negeri di mana program dilaksanakan khususnya daripada segi persiapan, logistik dan juga jemputan.

Pada tahun 2007, Hari SPA Bersama Pelanggan di luar Putrajaya telah diadakan bertempat di Aras 3 dan 5 Bangunan Komtar Pulau Pinang dengan kerjasama Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) Petaling Jaya dan Miri, Sarawak. Sambutan yang diberikan adalah menggalakkan terutama daripada pelajar-pelajar sekolah yang berada dalam Tingkatan 5 dan Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia. Selain itu juga, Suruhanjaya telah menyertai Karnival Kerjaya anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Jalan Semarak dan juga anjuran Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia yang diadakan di Mahkota Parade Melaka, Seremban Parade, Negeri Sembilan, Institut Latihan Perindustrian Perak dan Dataran Merdeka.

Pada tahun 2007, Hari SPA Bersama Pelanggan telah diadakan pada hari Isnin minggu terakhir setiap bulan. Kehadiran pelanggan semasa program dilaksanakan di luar Putrajaya amat menggalakkan berbanding di Putrajaya. Orang ramai telah hadir untuk mendapatkan khidmat nasihat melalui pelaksanaan 12 program Hari SPA Bersama Pelanggan yang telah diatur bagi setiap tempat diadakan program tersebut. Tarikh dan tempat diadakan program Hari SPA Bersama Pelanggan pada tahun 2007 adalah seperti **Jadual 28**.

JADUAL 28
TARIKH DAN TEMPAT PROGRAM HARI SPA BERSAMA PELANGGAN BAGI TAHUN 2007

Bulan	Tempat
29 Januari	Aras 6, Blok C7, Kompleks C, Putrajaya
26 Februari	Aras 6, Blok C7, Kompleks C, Putrajaya
26 Mac	Aras 6, Blok C7, Kompleks C, Putrajaya
25 April	Aras 6, Blok C7, Kompleks C, Putrajaya
28 Mei	Aras 6, Blok C7, Kompleks C, Putrajaya
14 Jun	Aras 3 & 5, Komtar, Pulau Pinang
23 Julai	Aras 6, Blok C7, Kompleks C, Putrajaya
29 Ogos	Universiti Tunku Abdul Rahman, Petaling Jaya
24 September	Aras 6, Blok C7, Kompleks C, Putrajaya
29 Oktober	Aras 6, Blok C7, Kompleks C, Putrajaya
29 November	Boulevard dan Pustaka Negeri, Miri, Sarawak
24 Disember	Aras 6, Blok C7, Kompleks C, Putrajaya



Lawatan kerja ke Jabatan Pengairan dan Saliran

Berikut adalah beberapa cadangan dan pandangan pelanggan yang dapat dikumpulkan sempena Hari SPA Bersama Pelanggan pada tahun 2007 seperti yang disenaraikan di bawah. Suruhanjaya akan cuba mengambil tindakan ke atas cadangan dan pandangan tersebut ke arah penambahbaikan perkhidmatan Suruhanjaya kepada pelanggan. Antara cadangan yang diutarakan adalah seperti berikut:

- kaunter pertanyaan yang disediakan hendaklah menempatkan pegawai yang boleh membuat keputusan;
- mengadakan *roadshow* di seluruh negeri - khususnya di tempat yang mudah dikunjungi oleh orang ramai;
- perluaskan hebahan, bukan setakat di radio dan televisyen tetapi poster dan juga iklan di akhbar;
- menyediakan tanda arah yang jelas;
- menyediakan jamuan ringan;
- memastikan para petugas sentiasa memberi layanan mesra; dan
- mengadakan temu duga terbuka semasa Hari SPA Bersama Pelanggan.

Pada tahun 2007, dua sesi taklimat berkaitan dengan isu perkhidmatan telah diadakan kepada wakil kementerian / jabatan dengan kehadiran seramai 30 orang peserta pada sesi tersebut diadakan.

SPA Cawangan Sabah telah mengadakan Hari SPA Bersama Pelanggan di:

- i) Jabatan Tenaga Kerja, Keningau - 11 Mac 2007
- ii) Kompleks Ujana Kewangan, Labuan - 21 & 22 April 2007
- iii) Centre Point Sabah - 18 & 19 Ogos 2007
- iv) Sekolah Menengah Kebangsaan Pangeran Omar, Sipitang - 7 September 2007
- v) Kolej Politeknik Sabah - 30 Oktober 2007
- vi) Jabatan Tenaga Kerja Kinabatangan - 3 November 2007

SPA Urus Setia Cawangan Sarawak pula telah mengadakan Hari SPA Bersama Pelanggan di:

- i) Dewan Suarah, Sarikei - 28 hingga 29 April 2007
- ii) Dataran Gerbang Sibul, Sibul - 17 Mei 2007
- iii) SMK St. Anthony, Sarikei - 12 Jun 2007
- iv) SMK Rosli Dhobby, Sibul - 13 Jun 2007
- v) Dewan Sri Nyelong, Pejabat Residen Sarikei, Sarikei - 12 Julai 2007
- vi) Ruang Legar, Bangunan Sultan Iskandar, Jalan Simpang Tiga, Kuching - 3 September 2007.
- vii) Ruang Legar, *Boulevard Shopping Complex*, Miri - 29 November 2007
- viii) Dewan Suarah, Miri - 1 Disember 2007
- ix) Ibu Pejabat SUPP, Cawangan Kuching, Kuching - 2 Disember 2007



Lawatan kerja ke Jabatan Pengairan dan Saliran (Terowong Smart) pada 5 Mac 2007

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
LAPORAN TAHUNAN
2007



PENGHARGAAN



Lawatan kerja ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Brunei pada 28 November 2007





Lawatan kerja ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Brunei

Penghargaan

Suruhanjaya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak berikut di atas segala jasa bakti yang telah disumbangkan:

- Y. Bhg. Dato' Haji Ibrahim bin Haji Mohd Shariff, Ahli Suruhanjaya yang telah tamat tempoh perkhidmatan pada 4 Ogos 2007;
- Y. Bhg. Datuk Mohd. Salleh bin Hassan, Ahli Suruhanjaya yang telah tamat tempoh perkhidmatan pada 4 Ogos 2007;
- Y. Bhg. Dato' Dr. Ahmad Sobri bin Haji Hashim, Ahli Suruhanjaya yang telah tamat tempoh perkhidmatan pada 4 Ogos 2007;
- Allahyarham Y. Bhg. Datuk Haji Mohamad Shahir bin Haji Abdullah, Ahli Suruhanjaya yang telah kembali ke rahmatullah pada 1 Mac 2007;
- Ketua Setiausaha Negara, semua Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Jabatan Persekutuan, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis serta pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Negeri yang telah melaksanakan beberapa tugas Suruhanjaya berpandukan kepada kuasa yang diwakilkan.
- Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri yang telah memberikan kerjasama dalam menyediakan kemudahan untuk urusan temu duga dan peperiksaan di negeri masing-masing; dan
- Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri dan Jabatan Tenaga Kerja yang membantu menjual Borang SPA 8 kepada orang ramai.



Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
LAPORAN TAHUNAN
2007



LAMPIRAN 'A'

LAMPIRAN 'A'

SENARAI JUMLAH PELANTIKAN MENGIKUT SKIM PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2007

BIL.	SKIM PERKHIDMATAN	PELANTIKAN 2007
1	Ahli Muzik Gred B41	-
2	Akauntan Gred W41	154
3	Arkitek Gred J41	59
4	Arkitek Landskap Gred J41	4
5	Arkitek Laut Gred A41	-
6	Guru Bahasa Gred DG41	-
7	Juru X-rRay Gred U41	-
8	Juruaudit Gred W41	76
9	Jurubahasa Serentak Gred N41	-
10	Jurukartografi Gred J41	1
11	Jururawat Gred U41	-
12	Jurutera (Awam) Gred J41	319
13	Jurutera (Elektrik) Gred J41	47
14	Jurutera (Elektronik) Gred J41	2
15	Jurutera (Mekanikal) Gred J41	51
16	Jurutera Laut Gred A41	1
17	Juruterbang / Pemeriksa Juruterbang Gred A41	-
18	Juruukur Bahan Gred J41	59
19	Juruukur Bangunan Gred J41	12
20	Juruukur Gred J41	12
21	Kurator Gred S41	-
22	Leftenan Maritim Gred X17	55
23	Pegawai Aktuari Gred W41	3
24	Pegawai Antidadah Gred S41	54
25	Pegawai Arkib Gred S41	3
26	Pegawai Belia Dan Sukan Gred S41	51
27	Pegawai Dietetik Gred U41	39
28	Pegawai Ehwat Ekonomi Gred E41	30
29	Pegawai Farmasi Gred U41	447
30	Pegawai Galian Gred C41	2

BIL.	SKIM PERKHIDMATAN	PELANTIKAN 2007
31	Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41	32
32	Pegawai Hidupan Liar Gred G41	43
33	Pegawai Kajibumi (Geofizik / Kajibumi) Gred C41	6
34	Pegawai Kajicuaca Gred C41	10
35	Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C41	30
36	Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A41	4
37	Pegawai Kebudayaan Gred B41	2
38	Pegawai Kesatria Gred S41	-
39	Pegawai Keselamatan Gred KP41	9
40	Pegawai Kesihatan Persekitaran U41	43
41	Pegawai Kimia Bumi Gred C41	2
42	Pegawai Latihan Gred E41	-
43	Pegawai Latihan Vokasional Gred J41	49
44	Pegawai Laut Gred A41	-
45	Pegawai Makmal Filem Gred C41	-
46	Pegawai Optometri Gred U41	28
47	Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41	111
48	Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U41	40
49	Pegawai Penerangan Gred S41	80
50	Pegawai Penerbitan Gred N41	3
51	Pegawai Penguatkuasa Gred N41	45
52	Pegawai Penilaian Gred W41	25
53	Pegawai Penyelidik Gred Q41	75
54	Pegawai Penyelidik Sosial Gred N41	-
55	Pegawai Perancang Bandar Dan Desa Gred J41	100
56	Pegawai Pergigian Gred U41	210
57	Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S41	56
58	Pegawai Perikanan Gred G41	7
59	Pegawai Pertahanan Awam Gred KP41	7
60	Pegawai Pertanian Gred G41	117
61	Pegawai Perubatan Gred U41	1,139

BIL.	SKIM PERKHIDMATAN	PELANTIKAN 2007
62	Pegawai Psikologi Gred S41	133
63	Pegawai Sains Gred C48	4
	Pegawai Sains Gred C41	127
64	Pegawai Siasatan Gred KR41	33
65	Pegawai Syariah Gred LS41	9
66	Pegawai Tadbir Dan Diplomatik Gred M41	807
67	Pegawai Tadbir Gred N41	16
68	Pegawai Teknologi Makanan Gred C41	41
69	Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41	288
70	Pegawai Undang-undang Gred L41	90
71	Pegawai Veterinar Gred G41	50
72	Pembantu Perubatan Gred U41	-
73	Pemelihara Hutan Gred G41	11
74	Pemeriksa Kapal Terbang A41	-
75	Pemeriksa Kilang Dan Jentera Gred J41	13
76	Penerbit Rancangan Gred B41	13
77	Pengajar Gred U41 (Pelbagai Bidang)	168
78	Penguasa Bomba Gred KB41	3
79	Penguasa Imigresen Gred KP41	-
80	Penguasa Kastam Gred W41	138
81	Penguasa Penjara Gred KX41	25
82	Pengurus Asrama Gred N41	-
83	Perangkawan Gred N41	66
84	Pereka Gred B41	-
85	Pustakawan Gred S41	13
86	Ahli Fotografi Gred B27	7
87	Ahli Muzik Gred B27	3
88	Artis Budaya Gred B27	-
89	Juru X-Ray Gred U29	149
90	Jurupulih Perubatan Anggota Gred U29	62
91	Jurupulih Perubatan Cara Kerja Gred U29	60

BIL.	SKIM PERKHIDMATAN	PELANTIKAN 2007
92	Jururawat Gred U29	2,052
93	Jururawat Pergigian Gred U29	121
94	Juruteknologi Makmal Perubatan Gred U29	233
95	Juruteknologi Pergigian Gred U29	26
96	Leftenan Muda Maritim Gred X13	33
97	Pegawai Kanan Petempatan Gred N27	-
98	Pegawai Kebudayaan Gred B27	20
99	Pembantu Undang-undang Gred L29	339
100	Pembantu Farmasi Gred U29	107
101	Pembantu Perubatan Gred U29	569
102	Pembantu Teknik (Awam) Gred J29	165
103	Pembantu Teknik (Elektrik) Gred J29	16
104	Pembantu Teknik (Elektronik) Gred J29	3
105	Pembantu Teknik (Kimia) Gred J29	-
106	Pembantu Teknik (Lanskap) Gred J29	16
107	Pembantu Teknik (Mekanikal) Gred J29	11
108	Pembantu Teknik (Mekatronik) Gred J29	6
109	Pembantu Teknik (Senibina) Gred J29	8
110	Pembantu Teknik (Ukur Bahan) Gred J29	5
111	Pembantu Teknik (Ukur Bangunan) Gred J29	-
112	Pembantu Teknik Gred J29	12
113	Pembantu Teknik Kapal Terbang Gred A29	-
114	Pembantu Teknik Ukur Gred J29	28
115	Pen. Pegawai Perancang Bandar & Desa Gred J29	47
116	Pen. Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S27	9
117	Penerbit Rancangan Gred B27	-
118	Penolong Akauntan Gred W27	55
119	Penolong Juruaudit Gred W27	180
120	Penolong Jurutera Laut Gred A29	1
121	Penolong Psikologi Gred S27	9
122	Penolong Kurator Gred S27	-

BIL.	SKIM PERKHIDMATAN	PELANTIKAN 2007
123	Penolong Pegawai Antidadah Gred S27	145
124	Penolong Pegawai Arkib Gred S27	4
125	Penolong Pegawai Belia Dan Sukan Gred S27	10
126	Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi Gred E27	9
127	Penolong Pegawai Galian Gred C27	-
128	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S27	28
129	Penolong Pegawai Hidupan Liar Gred G27	15
130	Penolong Pegawai Kajicuaca Gred C27	21
131	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C27	-
132	Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A29	9
133	Penolong Pegawai Kesatria Gred S27	-
134	Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP27	-
135	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29	192
136	Penolong Pegawai Kimia Bumi Gred C27	1
137	Penolong Pegawai Latihan Gred E27	-
138	Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred J29	45
139	Penolong Pegawai Laut Gred A29	-
140	Penolong Pegawai Makmal Filem Gred C27	-
141	Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S27	210
142	Penolong Pegawai Pendaftaran Gred KP27	3
143	Penolong Pegawai Penerangan Gred S27	74
144	Penolong Pegawai Penerbitan Gred N27	-
145	Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred N27	88
146	Penolong Pegawai Penilaian Gred W27	10
147	Penolong Pegawai Penyediaan Makanan Gred C27	23
148	Penolong Pegawai Penyelidik Gred Q27	20
149	Penolong Pegawai Penyelidik Sosial Gred N27	2
150	Penolong Pegawai Perangkaan Gred N27	34
151	Penolong Pegawai Perikanan Gred G27	1
152	Penolong Pegawai Perpustakaan Gred S27	15

BIL.	SKIM PERKHIDMATAN	PELANTIKAN 2007
153	Penolong Pegawai Pertahanan Awam Gred KP27	9
154	Penolong Pegawai Pertanian Gred G27	39
155	Penolong Pegawai Tadbir Rekod Perubatan Gred N27	-
156	Penolong Pegawai Sains Gred C27	37
157	Penolong Pegawai Siasatan Gred KR29	145
158	Penolong Pegawai Syariah Gred LS27	21
159	Penolong Pegawai Tadbir (Penghulu) Gred N27	6
160	Penolong Pegawai Tadbir Gred N27	497
161	Penolong Pegawai Tanah Gred NT31	-
162	Penolong Pegawai Teknologi Makanan Gred C27	-
163	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29	242
164	Penolong Pegawai Veterinar Gred G27	37
165	Penolong Pemelihara Hutan Gred G27	-
166	Penolong Pemeriksa Kilang Dan Jentera Gred J29	3
167	Penolong Penguasa Bomba Gred KB29	38
168	Penolong Penguasa Imigresen Gred KP27	123
169	Penolong Penguasa Kastam Gred W27	97
170	Penolong Penguasa Penjara Gred KX27	160
171	Penolong Pengurus Asrama Gred N27	4
172	Pereka Gred B27	6
173	Ahli Fotografi Gred B17	18
174	Ahli Muzik Gred B17	-
175	Artis Budaya Gred B17	-
176	Juru X-Ray Pelatih Gred U29	290
177	Juruaudio Visual Gred N17	82
178	Jurubahasa Gred L17	50
179	Jurulatih Kawad Gred S17	-
180	Jurupulih Perubatan Anggota Pelatih Gred U29	80
181	Jurupulih Perubatan Cara Kerja Pelatih Gred U29	80
182	Jururawat Masyarakat Gred U19	1,474

BIL.	SKIM PERKHIDMATAN	PELANTIKAN 2007
183	Jururawat Masyarakat Pelatih Gred U19	1,758
184	Jururawat Pelatih Gred U29	3,420
185	Jururawat Pergigian Pelatih Gred U29	130
186	Jurusolek Gred B17	-
187	Juruteknik (Awam) Gred J17	293
188	Juruteknik (Elektrik) Gred J17	52
189	Juruteknik (Elektronik) Gred J17	39
190	Juruteknik (Mekanikal) Gred J17	73
191	Juruteknik (Perancang Bandar & Desa) Gred J17	25
192	Juruteknik (Ukur Bahan) Gred J17	15
193	Juruteknik Ukur Gred J17	31
194	Juruteknik Komputer Gred FT17	875
195	Juruteknik Landskap Gred J17	3
196	Juruteknik Perubatan Gred U19	10
197	Juruteknik Senibina Gred J17	6
198	Juruteknologi Makmal Perubatan Pelatih Gred U29	510
199	Juruteknologi Pergigian Pelatih Gred U29	80
200	Laskar Kelas II Maritim Gred X1	249
201	Merinyu Laut Gred A17	-
202	Merinyu Taliair Gred J17	-
203	Operator Wayarles Gred N17	-
204	Pegawai Bomba Gred KB17	898
205	Pegawai Imigresen Gred KP17	2,033
206	Pegawai Kebudayaan Gred B17	-
207	Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17	445
208	Pegawai Penjara Gred KX17	1,238
209	Pegawai Perhubungan Preman Gred KP19	1
210	Pelukis Pelan Gred J17	60
211	Pembantu Akauntan Gred W17	183
212	Pembantu Antidadah Gred S17	20
213	Pembantu Arkib Gred S17	-

BIL.	SKIM PERKHIDMATAN	PELANTIKAN 2007
214	Pembantu Belia Dan Sukan Gred S17	81
215	Pembantu Ehwal Ekonomi Gred E17	19
216	Pembantu Farmasi Pelatih Gred U29	350
217	Pembantu Galian Gred C17	1
218	Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S17	117
219	Pembantu Hidupan Liar Gred G17	48
220	Pembantu Juruaudit Gred W17	-
221	Pembantu Kaji Bumi Gred C17	3
222	Pembantu Kajicuaca Gred C17	71
223	Pembantu Kawalan Trafik Udara Gred A17	-
224	Pembantu Kesatria Gred S17	1
225	Pembantu Keselamatan Gred KP17	72
226	Pembantu Kesihatan Awam Gred U17	-
227	Pembantu Makmal Filem Gred C17	4
228	Pembantu Makmal Gred C17	88
229	Pembantu Muzium Gred S17	-
230	Pembantu Pegawai Latihan Gred E17	9
231	Pembantu Pegawai Latihan Vokasional Gred J17	62
232	Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S17	483
233	Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U17	181
234	Pembantu Pemeriksa Kilang Dan Jentera Gred J17	8
235	Pembantu Pemuliharaan Gred S17	7
236	Pembantu Pendaftaran Gred KP17	53
237	Pembantu Penerangan Gred S17	61
238	Pembantu Penerbitan Gred N17	79
239	Pembantu Penguasa Kastam Gred W17	276
240	Pembantu Penguatkuasa Gred N17	268
241	Pembantu Penilaian Gred W17	44
242	Pembantu Penyelidik Gred Q17	19
243	Pembantu Penyelidik Sosial Gred N17	3
244	Pembantu Perangkaan Gred N17	646

BIL.	SKIM PERKHIDMATAN	PELANTIKAN 2007
245	Pembantu Perhubungan Perusahaan Gred S17	29
246	Pembantu Perikanan Gred G17	60
247	Pembantu Perpustakaan Gred S17	77
248	Pembantu Pertahanan Awam Gred KP17	65
249	Pembantu Pertanian Gred G17	112
250	Pembantu Perubatan Pelatih Gred U29	816
251	Pembantu Siasatan Gred KR17	20
252	Pembantu Syariah Gred LS17	37
253	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17	904
254	Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17	1,083
255	Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) Gred N17	3,920
256	Pembantu Tadbir (Undang-undang) Gred L17	134
257	Pembantu Veterinar Gred G17	14
258	Pemeriksa Cap Jari Gred N17	11
259	Pemeriksa Kereta Motor Gred A17	-
260	Penerbit Rancangan Gred B17	78
261	Pengajar Membalak Gred G17	-
262	Peniup Kaca Gred N17	-
263	Penjaga Jentera Elektrik Gred R17	3
264	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Pelatih Gred U29	363
265	Penolong Pegawai Tanah Gred NT17	26
266	Penyelia Asrama Gred N17	51
267	Penyelia Jurupakaian Gred N17	-
268	Pereka Gred B17	23
269	Renjer Hutan Gred G17	3
270	Serang Gred A17	2
271	Pembantu Kesihatan Awam Pelatih Gred U17	366
272	Pembantu Pembedahan Pergigian Pelatih Gred U11	220
JUMLAH KESELURUHAN		38,569

Lagu : **SPA**

DENGAN SEMANGAT MERDEKA
TERTUBUHNYA SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
SATU BADAN YANG PENUH BERWIBAWA

BEBAS ADIL DAN BERKESAN
ASAS SEGALA URUSANNYA
MELAKSANAKAN FUNGSI PERLEMBAGAAN
MENCORAK PERKHIDMATAN AWAM NEGARA

KUALITI MENJADI TERAS PERKHIDMATAN
MUDAH CEPAT TEPAT ASAS TINDAKAN
NILAI ETIKA MURNI DIAMALKAN
MENDOKONG PERKHIDMATAN CEMERLANG

SENTIASA BERTEKAD DAN BERUSAHA
MENEMPUH ARUS KEMAJUAN
BERBEKAL SEMANGAT YANG WAJA
BERGERAK MENCAPAI WAWASAN

Lagu oleh : Abdul Rahman bin Jaafar dan Allahyarham Alias bin Jamsuri
Lirik oleh : Tuan Haji Zolkiflie bin Rasip



Mukasurat in sengaja dikosongkan



Mukasurat in sengaja dikosongkan



Mukasurat in sengaja dikosongkan